

DASAR KOMODITI NEGARA 2011-2020



**KEMENTERIAN PERUSAHAAN
PERLADANGAN DAN KOMODITI**

ISBN 978-983-43527-5-2



No. ISBN 978-983-43527-5-2

HAK CIPTA TERPELIHARA 2012

Untuk maklumat lanjut, sila hubungi:

Bahagian Perancangan Strategik dan Antarabangsa
Kementerian Perusahaan Perladangan dan Komoditi
No. 15, Aras 7, Persiaran Perdana, Presint 2,
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62654 Putrajaya

Tel. : 03-8880 3300
Faks : 03-8880 3441
Emel : psa@kppk.gov.my



DICETAK OLEH
PERCETAKAN NASIONAL MALAYSIA BERHAD
KUALA LUMPUR, 2012
www.printnasional.com.my
email: cservice@printnasional.com.my
Tel.: 03-92366895 Faks: 03-92224773

PERUTUSAN



PERDANA MENTERI MALAYSIA

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan Salam
1Malaysia,

Saya mengucapkan tahniah kepada Kementerian Perusahaan Perladangan dan Komoditi di atas inisiatif penyediaan Dasar Komoditi Negara sebagai hala tuju pembangunan industri komoditi bagi tempoh 2011-2020.

Industri komoditi merupakan tunjang ekonomi negara sejak sekian lama. Kini, industri komoditi terutamanya sawit dan getah, menyumbang kepada pendapatan hasil eksport, peluang pekerjaan dan peningkatan pendapatan serta taraf hidup penduduk luar bandar.

Menyedari kepentingan sumbangan industri komoditi, industri sawit dan getah telah dikenal pasti di antara Bidang Ekonomi Utama Nasional di bawah pelaksanaan Program Transformasi Ekonomi. Di samping itu, pembangunan sektor komoditi lain yang berpotensi seperti kayu kayan, koko, lada dan kenaf, akan terus dipertingkatkan.

Penggubalan Dasar Komoditi Negara merupakan iltizam Kerajaan untuk memajukan industri komoditi ke tahap yang lebih berdaya saing, mampan dan seimbang. Peningkatan daya saing industri komoditi khususnya di peringkat hiliran akan memastikan produk berasaskan komoditi keluaran negara akan menjadi tanda aras di pasaran global. Bagi mencapai hasrat tersebut penggiat industri, termasuk para penyelidik dan usahawan, hendaklah lebih kreatif, inovatif dan produktif khususnya dalam menghasilkan dan memasarkan produk-produk bernilai tambah tinggi.

Saya percaya pelaksanaan dasar ini akan membantu Malaysia mencapai tahap negara maju dan berpendapatan tinggi menjelang tahun 2020.

1Malaysia “Rakyat Didahulukan, Pencapaian Diutamakan”

DATUK SRI MOHD. NAJIB BIN TUN ABDUL RAZAK

PERUTUSAN



MENTERI PERUSAHAAN PERLADANGAN DAN KOMODITI

Salam Sejahtera dan Salam 1Malaysia,

Industri perladangan dan komoditi negara adalah termasuk sawit, getah, kayu kayan, koko, lada dan kenaf. Selama ini, dasar pembangunan industri perladangan terkandung di dalam Dasar Pertanian Negara di peringkat hulu dan Pelan Induk Perindustrian di peringkat hilir. Selaras dengan perkembangan dan kemajuan industri komoditi yang semakin dinamik, Kerajaan telah menyediakan Dasar Komoditi Negara khusus bagi menetapkan hala tuju untuk memperkukuhkan lagi peranan dan sumbangan industri berkenaan kepada pertumbuhan ekonomi negara.

Bagi memastikan industri komoditi negara terus berdaya saing dan berorientasikan pasaran, Dasar Komoditi Negara digubal dengan matlamat mentransformasikan negara sebagai hub komoditi dunia melalui pendekatan tujuh teras strategik merangkumi:

- Pemerkasaan Industri;
- Pemodenan Aktiviti Pengeluaran;
- Penghasilan Pelbagai Produk Bernilai Tambah Tinggi Melalui Penyelidikan, Pembangunan dan Pengkomersilan;
- Penjanaan Sumber Pendapatan Baharu;
- Pengukuhan Pasaran Sedia Ada dan Peluasan Pasaran Baharu;
- Pengukuhan Keupayaan Pekebun Kecil dan Usahawan; dan
- Pembangunan Modal Insan.

Pelaksanaan Dasar Komoditi Negara secara terangkum dan berimbang dengan komitmen semua penggiat industri akan menjamin industri komoditi negara terus kukuh dan berdaya saing. Selanjutnya, ia akan menyumbang kepada pencapaian hasrat menjadikan Malaysia negara berpendapatan tinggi menjelang tahun 2020. Akhir kata, saya mengucapkan penghargaan kepada semua pihak yang terlibat menjayakan penggubalan Dasar Komoditi Negara ini.

Tan Sri Bernard Giluk Dompok
Menteri Perusahaan Perladangan dan Komoditi
Malaysia

Dasar Komoditi Negara 2011-2020

KANDUNGAN

PERUTUSAN YAB PERDANA MENTERI	iii
PERUTUSAN YB MENTERI PERUSAHAAN PERLADANGAN DAN KOMODITI	iv
BAB 1 TRANSFORMASI INDUSTRI KOMODITI, 2000-2010	
PENCAPAIAN 2000-2010	3
Sumbangan Kepada Keluaran Dalam Negara Kasar	3
Keluasan Kawasan Tanaman Komoditi	4
Pendapatan Eksport	5
Produktiviti	6
PROSPEK 2011-2020	7
Keluaran Dalam Negara Kasar	7
Keluasan Tanaman	8
Pendapatan Eksport	9
Produktiviti	10
Pengeluaran	11
CABARAN	11
MELANGKAH KE HADAPAN	12
Hala Tuju Pembangunan Industri Komoditi	12
BAB 2 TERAS DASAR DAN STRATEGI INDUSTRI KOMODITI	
TERAS DASAR INDUSTRI KOMODITI	16
BAB 3 MENERAJU KEMAJUAN INDUSTRI SAWIT	
PROSPEK INDUSTRI SAWIT, 2011-2020	20
STRATEGI INDUSTRI SAWIT, 2011-2020	23
Meningkatkan Produktiviti Aktiviti Huluhan	23
Meningkatkan Aktiviti Hiliran dan Pengeluaran Produk Bernilai Tambah Tinggi	23
Menjana Pendapatan Dari Sumber Baharu	24
Memperkukuh Pasaran Sedia Ada dan Meneroka Pasaran Baharu	24
Mempergiat Aktiviti Penyelidikan, Pembangunan dan Pengkomersilan	24
Membangunkan Industri Sawit Yang Mampan dan Mesra Alam	25
Memperkukuh Pembangunan Modal Insan	25

BAB 4 MEMPERKASA INDUSTRI GETAH

PROSPEK INDUSTRI GETAH, 2011-2020	28
STRATEGI INDUSTRI GETAH, 2011-2020	29
Meningkatkan Produktiviti dan Kemampanan Pengeluaran Getah	29
Memperkuh Penyelidikan, Pembangunan dan Pengkomersilan Untuk Meningkatkan Daya Saing Industri Getah	30
Memantapkan Aktiviti Pemprosesan Getah dan Pengeluaran Produk Berasaskan Getah	30
Meningkatkan Syer Produk Berasaskan Getah Malaysia Di Pasaran Dunia	31
Memperkuh Pembangunan Modal Insan	31

BAB 5 MEMPERGIAT PEMBANGUNAN INDUSTRI KAYU-KAYAN

PROSPEK INDUSTRI KAYU-KAYAN, 2011-2020	34
STRATEGI INDUSTRI KAYU-KAYAN, 2011-2020	36
Meningkatkan dan Mempelbagai Sumber Bekalan Bahan Mentah	36
Memperkuh Inovasi dan Teknologi Melalui Penyelidikan, Pembangunan dan Pengkomersilan	36
Memperluas Pasaran dan Penjenamaan	36
Memudahkan Pembangunan Perusahaan Kecil dan Sederhana	37
Menjana Potensi Sumber Pertumbuhan Baharu	37
Meningkatkan Penyertaan Bumiputera	37
Membangun dan Memperkasa Modal Insan	37

BAB 6 MEMPERKUKUH DAN MENGEMBANGKAN INDUSTRI KOKO

PROSPEK INDUSTRI KOKO, 2011-2020	40
STRATEGI INDUSTRI KOKO, 2011-2020	41
Meningkatkan Produktiviti dan Daya Saing Pengeluaran Biji Koko dan Produk-Produk Berasaskan Koko	41
Meningkatkan Kesedaran Awam Mengenai Penanaman Koko	41
Memperkuh Program Penyelidikan, Pembangunan dan Pengkomersilan	42
Memperkuh Industri Hiliran dan Rangkaian Industri Sokongan	42
Menggalakkan Penglibatan Usahawan Perusahaan Kecil dan Sederhana Dalam Pemprosesan dan Pengeluaran Produk Berasaskan Koko	42
Meningkatkan Daya Saing dan Syer Pasaran Produk Berasaskan Koko	42
Mengukuhkan Kerangka Institusi Sokongan dan Pengembangan	43
Memperkasa Modal Insan	43

BAB 7 MEMPERKUKUH DAN MENGEMBANGKAN INDUSTRI LADA

PROSPEK INDUSTRI LADA, 2011-2020	46
STRATEGI PEMBANGUNAN INDUSTRI LADA, 2011-2020	47

Meningkatkan Pengeluaran dan Daya Saing Pengeluaran Lada	47
Memperkuh Aktiviti Penyelidikan dan Pembangunan	48
Mengukuhkan Pendapatan Pekebun Kecil	48
Memperluas Pasaran	48
Memperkasa Modal Insan	49

BAB 8 MERASIONALISASI INDUSTRI TEMBAKAU

PROSPEK INDUSTRI TEMBAKAU, 2011–2020	52
STRATEGI INDUSTRI TEMBAKAU, 2011-2020	53
Meningkatkan Daya Saing Pengeluaran Tembakau	53
Memantapkan Usaha Penguatkuasaan Kawalan Tembakau dan Produk Tembakau	53
Mempelbagai Kegunaan Tembakau Melalui Aktiviti Penyelidikan dan Pembangunan	53
Menggalakkan Pengusaha Tembakau Yang Tidak Berdaya Saing Beralih Kepada Aktiviti Ekonomi Lain	53

BAB 9 MEMACU PERTUMBUHAN INDUSTRI KENAF

PROSPEK INDUSTRI KENAF, 2011-2020	56
STRATEGI INDUSTRI KENAF, 2011-2020	57
Meningkatkan Produktiviti dan Pengeluaran Kenaf	57
Mempergiat Penyelidikan, Pembangunan dan Pengkomersilan	57
Menggalakkan Pengeluaran Kenaf Secara Komersil	57
Meningkatkan Pembangunan Industri Hiliran	58
Mempromosi Penggunaan Kenaf dan Produk Kenaf	58
Membangunkan Modal Insan	58

BAB 10 MENGEKSPLOITASI POTENSI INDUSTRI SAGU

PROSPEK INDUSTRI SAGU, 2011-2020	62
STRATEGI INDUSTRI SAGU, 2011-2020	63
Menyediakan Kemudahan Infrastruktur dan Khidmat Pengembangan	63
Meningkatkan Aktiviti Pengeluaran Sagu Secara Komersil	63
Memperkuh Penyelidikan dan Pembangunan Bagi Meningkatkan Produktiviti dan Pembangunan Produk Berasaskan Sagu	63
Mengembangkan Aktiviti Pemprosesan Produk Berasaskan Sagu di Peringkat Hiliran	64
Memperkuh Pasaran Produk Bernilai Tinggi	64
Membangunkan dan Memperkasa Modal Insan	64

SINGKATAN	66
------------------	----

SENARAI JADUAL

BAB 1 TRANSFORMASI INDUSTRI KOMODITI, 2000-2010

Jadual 1.1: Sumbangan Industri Komoditi Kepada Keluaran Dalam Negara Kasar, 2000-2010	3
Jadual 1.2: Keluasan Tanaman Komoditi, 2000-2010	4
Jadual 1.3: Pendapatan Eksport Komoditi, 2000-2010	5
Jadual 1.4: Produktiviti Komoditi, 2000-2010	6
Jadual 1.5: Unjuran Nilai Ditambah Sektor Hulu Industri Komoditi, 2010-2020	7
Jadual 1.6: Unjuran Keluasan Kawasan Tanaman Komoditi, 2010-2020	8
Jadual 1.7: Unjuran Pendapatan Eksport, 2010-2020	9
Jadual 1.8: Unjuran Produktiviti Industri Komoditi, 2010-2020	10
Jadual 1.9: Unjuran Pengeluaran Industri Komoditi, 2010-2020	11

BAB 3 MENERAJU KEMAJUAN INDUSTRI SAWIT

Jadual 3.1: Unjuran Industri Sawit, 2011-2020	21
Jadual 3.2: Unjuran Eksport Produk Sawit, 2011-2020	22

BAB 4 MEMPERKASA INDUSTRI GETAH

Jadual 4.1: Unjuran Industri Getah, 2011-2020	29
---	----

BAB 5 MEMPERGIAT PEMBANGUNAN INDUSTRI KAYU-KAYAN

Jadual 5.1: Unjuran Eksport Kayu-Kayan, 2011-2020	35
---	----

BAB 6 MEMPERKUKUH DAN MENGEMBANGKAN INDUSTRI KOKO

Jadual 6.1: Unjuran Industri Koko, 2011-2020	40
--	----

BAB 7	MEMPERKUKUH DAN MENGEMBANGKAN INDUSTRI LADA	
	Jadual 7.1: Unjuran Industri Lada, 2011-2020	47
BAB 8	MERASIONALISASI INDUSTRI TEMBAKAU	
	Jadual 8.1: Unjuran Industri Tembakau, 2011-2020	52
BAB 9	MEMACU PERTUMBUHAN INDUSTRI KENAF	
	Jadual 9.1: Unjuran Pengeluaran Kenaf, 2011-2020	56

SENARAI RAJAH

BAB 1	TRANSFORMASI INDUSTRI KOMODITI, 2000-2010	13
	Rajah 1.1 : Teras-teras Dasar Komoditi Negara, 2011-2020	



BAB 1

Transformasi Industri Komoditi

Transformasi Industri Komoditi, 2000-2010

Dasar Pertanian Negara (DPN) yang mula dilaksanakan pada tahun 1984 telah menjadi landasan untuk mentransformasikan sektor pertanian, termasuk sektor perusahaan perladangan dan komoditi. Struktur industri komoditi negara meliputi sawit, getah, kayu-kayan, koko, lada dan tembakau telah mengalami perubahan daripada sebuah negara pengeluar bahan mentah komoditi kepada pengeluar produk-produk hiliran bernilai tambah tinggi yang berorientasikan pasaran.

Sehingga kini, tiga DPN telah dilaksanakan bagi membolehkan sektor pertanian terus berperanan sebagai salah satu tonggak ekonomi negara. DPN1 (1984-1991) telah memberi penekanan kepada pembangunan pertanian yang berteraskan perkembangan eksport, pengurangan kadar kemiskinan luar bandar dan peningkatan pendapatan pekebun kecil melalui penggunaan sumber secara optimum. DPN2 (1992-1997) pula tertumpu

kepada usaha-usaha peningkatan produktiviti dan kecekapan, pengurusan aktiviti pertanian secara mampan dan juga penggalakan aktiviti pemprosesan hiliran. Tumpuan DPN3 (1998-2010) adalah ke arah peningkatan daya saing sektor pertanian, pelaksanaan inisiatif jaminan makanan, pembangunan sumber pertumbuhan baharu dan peningkatan penyertaan sektor swasta dalam sektor pertanian.

Mulai tahun 2011, Dasar Komoditi Negara dirangka secara khusus bagi memperkukuhkan lagi peranan dan sumbangan industri komoditi perladangan kepada ekonomi negara. Dasar Komoditi Negara mensasarkan transformasi industri komoditi yang lebih dinamik dan kompetitif menjelang 2020. Penggubalan dasar ini mengambil kira orientasi industri komoditi yang berasaskan kepada keperluan pasaran dan potensi penjanaan kekayaan melalui pengeluaran produk-produk bernilai tambah tinggi.

PENCAPAIAN 2000-2010

Sumbangan Kepada Keluaran Dalam Negara Kasar

Bagi tempoh 2000-2010, industri komoditi telah berkembang pada kadar purata pertumbuhan tahunan sebanyak 2.1 peratus. Pertumbuhan ini didorong terutamanya oleh peningkatan nilai keluaran dalam industri sawit dan getah di kedua-dua peringkat hulu dan hilir. Industri sawit mencatatkan pertumbuhan sebanyak 4.7 peratus manakala getah sebanyak 2.5 peratus.

Dalam tempoh yang sama, produk-produk industri komoditi di peringkat hilir mencatatkan peningkatan nilai ditambah

sebanyak 2.8 peratus setahun manakala sektor hulu pula meningkat pada kadar 1.6 peratus.

Pada 2010, sektor komoditi menyumbang sebanyak 6.8 peratus kepada Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK), di mana 57.7 peratus adalah daripada sektor komoditi di peringkat hulu manakala 42.3 peratus disumbangkan oleh peringkat hilir.

Jadual 1.1:
Sumbangan Industri Komoditi Kepada Keluaran Dalam Negara Kasar, 2000-2010 (RM Juta Pada Harga Malar Tahun 2000)

Komoditi	2000	2005	2010	Pertumbuhan Tahunan (%)		
				2001-2005	2006-2010	2001-2010
Huluan						
Sawit	8,007	10,851	12,301	6.3	2.5	4.4
Perhutanan dan Pembalakan	8,131	8,386	7,193	0.6	-3.0	-1.2
Getah	1,996	2,299	1,924	2.9	-3.5	0.4
Koko	132	53	30	-16.7	-10.8	-13.8
Lada	399	318	403	-4.4	4.9	0.1
Tembakau	94	124	41	5.7	-19.9	-8.0
KDNK Huluan	18,759	22,031	21,892	3.3	-0.1	1.6
Syer Peringkat Huluan Kepada KDNK Komoditi	60.7%	59.2%	57.7%	-0.5	-0.5	-0.5
Hiliran						
Sawit	2,214	3,289	3,821	8.2	3.0	5.6
Kayu Kayan	5,251	5,743	5,104	1.8	-2.3	-0.3
Getah	3,085	3,667	4,565	3.5	4.5	4.0
Koko	297	304	522	0.5	11.4	5.8
Tembakau	1,304	2,162	2,010	10.6	-1.4	4.4
KDNK Hiliran	12,151	15,165	16,022	4.5	1.1	2.8
Syer Peringkat Hiliran Kepada KDNK Komoditi	39.3%	40.8%	42.3%	0.7	0.7	0.7
KDNK Komoditi	30,911	37,196	37,914	3.8	0.4	2.1
KDNK Negara	356,401	449,250	559,554	4.7	4.5	4.6
Syer Komoditi Kepada KDNK Negara	8.7%	8.3%	6.8%	-0.9	-3.9	-2.4

Sumber : Jabatan Perangkaan Malaysia

Keluasan Kawasan Tanaman Komoditi

Keluasan kawasan tanaman komoditi berkembang pada kadar 1.9 peratus kepada 5.92 juta hektar pada tahun 2010 berbanding dengan 4.91 juta hektar pada tahun 2000. Di dalam industri komoditi, sektor sawit dan sektor lada masing-masing telah mencatatkan peningkatan kawasan tanaman sebanyak 43.7 peratus (1.48 juta hektar) dan

6.0 peratus (800 hektar). Manakala, sektor getah dan sektor koko pula menunjukkan pengurangan dari segi keluasan tanaman berpunca daripada peralihan tanaman kedua-dua komoditi tersebut kepada tanaman sawit dan juga aktiviti ekonomi lain yang menjana pulangan lebih tinggi.

Jadual 1.2:
Keluasan Tanaman Komoditi, 2000-2010 (Ribu Hektar)

Komoditi	2000	2005	2010	Pertumbuhan Tahunan (%)		
				2001-2005	2006-2010	2001-2010
Sawit	3,376.7	4,051.4	4,853.8	3.7	3.7	3.7
Getah	1,430.7	1,271.3	1,028.8	-2.3	-4.1	-3.2
Koko	75.2	33.4	20.1	-15.0	-9.7	-12.4
Lada	13.4	12.7	14.2	-1.1	2.3	0.6
Tembakau	16.4	9.7	2.9	-10.0	-21.5	-15.9
JUMLAH	4,912.4	5,378.5	5,919.8	1.8	1.9	1.9

Sumber : Lembaga Minyak Sawit Malaysia, Lembaga Getah Malaysia, Lembaga Koko Malaysia, Lembaga Lada Malaysia, Lembaga Kenaf dan Tembakau Negara

Pendapatan Eksport

Pendapatan eksport komoditi meningkat pada pertumbuhan tahunan sebanyak 10.3 peratus daripada RM42.7 bilion pada tahun 2000 kepada RM113.3 bilion pada tahun 2010. Pada tahun 2010, eksport sawit yang bernilai RM62.9

bilion merupakan penyumbang utama kepada pendapatan eksport komoditi iaitu sebanyak 55.5 peratus daripada keseluruhan pendapatan eksport komoditi.

Jadual 1.3:
Pendapatan Eksport Komoditi, 2000-2010 (RM Bilion)

Komoditi	2000	2005	2010	Pertumbuhan Tahunan (%)		
				2001-2005	2006-2010	2001-2010
Sawit	16.5	28.4	62.9	11.5	17.2	14.3
Getah	7.3	12.6	24.7	11.5	14.4	13.0
Kayu-Kayan	17.1	21.5	20.3	4.7	-1.1	1.7
Koko	0.6	1.9	4.2	25.9	17.2	21.5
Lada	0.4	0.1	0.2	-24.2	14.9	-6.7
Tembakau	0.8	0.8	1.0	0.0	4.6	2.3
JUMLAH	42.7	65.3	113.3	8.9	11.7	10.3

Sumber : Jabatan Perangkaan Malaysia

Produktiviti

Bagi tempoh 2000-2010, produktiviti semua tanaman komoditi telah mencatatkan peningkatan. Tanaman sawit mencatatkan peningkatan produktiviti tahunan sebanyak 0.4 peratus bagi pengeluaran buah tandan segar (*Fresh Fruit Bunches* - *FFB*) dan 0.8 peratus bagi kadar perahan minyak (*Oil Extraction Rate* - *OER*).

Tanaman getah mencatatkan peningkatan produktiviti tahunan sebanyak 1.9 peratus, manakala koko pula sebanyak 2.2 peratus. Dalam tempoh yang sama, produktiviti tanaman lada turut menunjukkan peningkatan tahunan sebanyak 2.1 peratus dan tanaman tembakau juga meningkat sebanyak 3.3 peratus.

Jadual 1.4 :
Produktiviti Komoditi, 2000-2010

Komoditi	2000	2005	2010	Pertumbuhan Tahunan (%)		
				2001-2005	2006-2010	2001-2010
Sawit						
- FFB (tan/ha)	18.33	18.88	19.03	0.6	0.2	0.4
- OER (%)	18.86	20.15	20.45	1.3	0.3	0.8
Getah (kg/ha)	1,226	1,320	1,480	1.5	2.3	1.9
Koko (tan/ha)	0.94	0.84	1.17	-2.2	6.9	2.2
Lada (kg/ha)	3,580	3,020	4,400	-3.3	7.8	2.1
Tembakau (kg/ha)	786	1,216	1,089	9.1	-2.2	3.3

Sumber: Lembaga Minyak Sawit Malaysia, Lembaga Getah Malaysia, Lembaga Koko Malaysia, Lembaga Lada Malaysia, Lembaga Kenaf dan Tembakau Negara

PROSPEK 2011-2020

Keluaran Dalam Negara Kasar

Dalam tempoh 2011-2020, nilai ditambah sektor hulu industri komoditi dijangka berkembang pada kadar 2.7 peratus setahun. Sumbangan kepada keseluruhan KDNK pada tahun 2020

pula dijangka meningkat sebanyak 30.4 peratus kepada RM28.5 bilion berbanding RM21.8 bilion pada tahun 2010.

Jadual 1.5:
Unjuran Nilai Ditambah Sektor Hulu Industri Komoditi, 2010-2020
(RM Juta Dalam Harga Tahun 2000)

Komoditi	2010	2015	2020	Pertumbuhan Tahunan (%)		
				2011-2015	2016-2020	2011-2020
Sawit	12,301	16,023	17,909	5.4	2.3	3.8
Getah	1,924	2,642	3,206	6.5	3.9	5.2
Kayu-kayan	7,193	7,055	6,803	-0.4	-0.7	-0.6
Koko	30	32	49	1.3	8.9	5.0
Lada	403	459	546	2.6	3.5	3.1
Tembakau	41	28	25	-7.3	-2.2	-4.8
JUMLAH	21,892	26,239	28,538	3.7	1.7	2.7

Sumber : Unit Perancang Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri

Keluasan Tanaman

Keluasan kawasan tanaman komoditi bagi tempoh 2010-2020 dijangka berkembang pada kadar 1.6 peratus setahun. Pertumbuhan ini akan menyumbang ke arah peningkatan keluasan kawasan tanaman komoditi kepada 6.9 juta hektar menjelang tahun 2020 berbanding dengan 5.9 juta hektar pada tahun 2010.

Sebahagian besar peningkatan keluasan kawasan tanaman komoditi akan disumbangkan oleh sektor sawit di mana luasannya dijangka meningkat kepada 5.67 juta hektar pada tahun 2020 berbanding dengan 4.85 juta hektar pada tahun 2010. Tanaman getah pula dijangka meningkat kepada 1.2 juta hektar manakala koko (40 ribu hektar) dan lada (20 ribu hektar).

Jadual 1.6:
Unjuran Keluasan Kawasan Tanaman Komoditi, 2010-2020 (Ribu Hektar)

Komoditi	2010	2015	2020	Pertumbuhan Tahunan (%)		
				2011-2015	2016-2020	2011-2020
Sawit	4,853	5,341	5,672	1.9	1.2	1.6
Getah	1,029	1,150	1,200	2.2	0.9	1.5
Koko	20	30	40	8.4	5.9	7.2
Lada	14	17	20	4.0	3.3	3.6
Tembakau	2.9	3.5	3	3.8	-3.0	0.3
JUMLAH	5,918.9	6,541.5	6,935	2.0	1.2	1.6

Sumber: Lembaga Minyak Sawit Malaysia, Lembaga Getah Malaysia, Lembaga Koko Malaysia, Lembaga Lada Malaysia, Lembaga Kenaf dan Tembakau Negara

Pendapatan Eksport

Industri komoditi dijangka mengekalkan momentum pertumbuhan pendapatan eksport dengan nilai eksport sebanyak RM242.6 bilion pada tahun 2020 berbanding dengan RM113.3 bilion pada tahun 2010 iaitu pada kadar pertumbuhan tahunan sebanyak 7.9 peratus. Industri getah, kayu-kayan dan lada dijangka mencatatkan kadar

pertumbuhan tahunan melebihi 10.0 peratus. Industri sawit dijangka akan terus menjadi penyumbang pendapatan eksport utama dengan nilai RM103 bilion atau 42.5 peratus daripada jumlah keseluruhan pendapatan eksport komoditi pada 2020.

Jadual 1.7:
Unjuran Pendapatan Eksport, 2010-2020 (RM Bilion)

Komoditi	2010	2015	2020	Pertumbuhan Tahunan (%)		
				2011-2015	2016-2020	2011-2020
Sawit	62.9	86.0	103.0	6.5	3.7	5.1
Getah	24.7	43.6	78.0	12.0	12.3	12.2
Kayu-kayan	20.3	39.0	53.2	13.9	6.4	10.1
Koko	4.2	4.9	6.0	3.1	4.1	3.6
Lada	0.2	0.4	0.7	14.9	11.8	13.3
Tembakau	1.0	1.4	1.7	7.0	4.0	5.4
JUMLAH	113.3	175.3	242.6	9.1	6.7	7.9

Sumber: Lembaga Minyak Sawit Malaysia, Lembaga Getah Malaysia, Lembaga Koko Malaysia, Lembaga Lada Malaysia, Lembaga Kenaf dan Tembakau Negara

Produktiviti

Produktiviti industri komoditi dijangka meningkat melalui pelaksanaan pelbagai inisiatif, termasuk menggalakkan amalan pertanian baik dan program tanaman semula menggunakan bahan tanaman berkualiti. Sektor sawit dijangka menunjukkan peningkatan produktiviti di mana OER meningkat

ke paras 23 peratus menjelang tahun 2020 berbanding dengan 20.5 peratus pada tahun 2010. Kadar purata pertumbuhan tahunan produktiviti bagi sektor getah, koko dan lada, juga akan meningkat di antara 2.3 - 3.2 peratus.

Jadual 1.8:
Unjuran Produktiviti Industri Komoditi, 2010-2020

Produktiviti	2010	2015	2020	Pertumbuhan Tahunan (%)		
				2011-2015	2016-2020	2011-2020
Sawit						
- FFB (tan/ha)	19.03	22.9	26	3.8	2.6	3.2
- OER (%)	20.5	21.6	23	1.1	1.3	1.2
Getah (kg/ha)	1,480	1,600	2,000	1.6	4.6	3.1
Koko (tan/ha)	1.2	1.2	1.5	0.0	4.6	2.3
Lada (kg/ha)	4,400	5,400	6,000	4.2	2.1	3.2
Tembakau (kg/ha)	1,089	1,450	1,750	5.9	3.8	4.9

Sumber: Lembaga Minyak Sawit Malaysia, Lembaga Getah Malaysia, Lembaga Koko Malaysia, Lembaga Kenaf dan Tembakau Negara, Lembaga Lada Malaysia,

Pengeluaran

Kebanyakan industri komoditi diunjur mencatatkan peningkatan pengeluaran. Sektor koko dijangka mencatatkan peningkatan tertinggi sebanyak 14.1 peratus, diikuti oleh getah (7.8 peratus),

lada (5.8 peratus), sawit (4.1 peratus) dan kayu gergaji (2.0 peratus). Pengeluaran sawit dijangka mencapai 25.3 juta tan pada 2020 berbanding dengan 17 juta tan pada 2010.

Jadual 1.9:
Unjuran Pengeluaran Industri Komoditi, 2010-2020

Komoditi	2010	2015	2020	Pertumbuhan Tahunan (%)		
				2011-2015	2016-2020	2011-2020
Sawit (CPO) (‘000 Tan)	16,994	23,800	25,300	7.0	1.2	4.1
Getah (‘000 Tan)	940	1,500	2,000	9.8	5.9	7.8
Kayu balak (‘000 m ³)	17,148	15,500	14,000	-2.0	-2.0	-2.0
Kayu Gergaji (‘000 m ³)	3,874	4,753	4,711	4.2	-0.2	2.0
Koko (‘000 Tan)	16	33	60	15.6	12.7	14.1
Lada (‘000 Tan)	24	31	42	5.3	6.3	5.8

Sumber: Lembaga Minyak Sawit Malaysia, Lembaga Getah Malaysia, Lembaga Koko Malaysia, Lembaga Lada Malaysia, Lembaga Perindustrian Kayu Malaysia

Cabaran

Industri komoditi pada masa hadapan akan memberi tumpuan kepada peningkatan produktiviti, kecekapan dan inovasi dalam membangunkan produk-produk bernilai ditambah tinggi dan mesra alam. Cabaran liberalisasi perdagangan antarabangsa dan kekangan dari segi kesediaan tanah serta kesannya kepada bekalan bahan mentah untuk industri hiliran memerlukan perancangan strategik yang komprehensif bagi mengekal dan meningkatkan daya saing industri komoditi negara.

Tumpuan industri terhadap beberapa komoditi tertentu telah menghadkan kemajuan industri komoditi yang lain. Dalam hal ini, dominasi sektor sawit dan getah dari segi keluasan kawasan tanaman telah memberi kesan kepada

pembangunan sektor komoditi lain. Sehubungan itu, Dasar Komoditi Negara dirangka bagi turut menggalakkan pembangunan industri komoditi secara lebih seimbang.

Di peringkat antarabangsa, isu akses pasaran dan halangan tarif serta bukan tarif perlu ditangani bagi memastikan pasaran eksport tidak terjejas. Ini termasuk memperkukuh pasaran sedia ada, menjalinkan jaringan perniagaan pelbagai hala dan menerokai pasaran baharu. Selain itu, isu alam sekitar yang sering dikaitkan dengan pembangunan industri komoditi akan terus diberi perhatian sewajarnya sebagai usaha menangkis persepsi negatif dan meningkatkan imej produk komoditi Malaysia sebagai mampan.

MELANGKAH KE HADAPAN


Hala Tuju Pembangunan Industri Komoditi

Hala tuju strategik pembangunan industri komoditi bagi tempoh 2011-2020 berasaskan kepada pembangunan mampan dan seimbang dari segi ekonomi, alam sekitar dan kesejahteraan masyarakat. Pembangunan industri komoditi akan terus diurus perdanakan, dimajukan sederap dengan pembangunan sektor lain melalui pengukuhan hubungan intra-sektoral dan inter-sektoral. Secara am, Dasar Komoditi Negara akan menjadi pemangkin bagi meletakkan Malaysia sebagai hub komoditi dunia menjelang tahun 2020.

Teras Dasar Komoditi Negara dirangka dengan mengambil kira inisiatif-inisiatif sedia ada Kerajaan seperti DPN, Program Transformasi Kerajaan (GTP), Model Ekonomi Baru (MEB) dan Program Transformasi Ekonomi (ETP) yang merupakan landasan utama pembangunan ke arah mencapai matlamat Wawasan 2020 dan negara berpendapatan tinggi.

Rajah 1.1:
Teras-teras Dasar Komoditi Negara, 2011-2020





BAB 2

Teras Dasar dan Strategi Industri Komoditi

Teras Dasar Dan Strategi Industri Komoditi, 2011-2020

Bagi memaju dan meningkatkan daya saing industri komoditi, termasuk menjadikan Malaysia sebagai hub komoditi dunia, usaha-usaha yang dilaksanakan adalah bertujuan untuk mencapai objektif-objektif berikut:

- Meningkatkan sumbangan industri komoditi kepada pembangunan ekonomi negara;
- Memodenkan dan mentransformasikan industri komoditi agar lebih berdaya saing dan mampan;
- Menggalakkan pertumbuhan di sepanjang rantai nilai industri komoditi;
- Meningkatkan pendapatan pengusaha industri komoditi, termasuk pekebun kecil; dan
- Menjadikan Malaysia sebagai pusat kecemerlangan dalam bidang penyelidikan dan pembangunan (R&D), teknologi perladangan dan industri berasaskan komoditi.

TERAS DASAR INDUSTRI KOMODITI

Teras 1

Memperkasa Industri Komoditi Dalam Pembangunan Ekonomi Negara

Bagi memperkasa pembangunan industri komoditi, keutamaan akan diberikan kepada pembangunan produk-produk baharu bernilai ditambah dan berorientasikan pasaran. Langkah ini akan dilaksanakan melalui penghasilan produk-produk baharu berinovatif oleh institusi R&D tempatan. Di samping itu, kerjasama strategik di antara institusi R&D tempatan dan luar negara juga akan dipertingkatkan. Fokus juga akan diberi bagi meningkatkan kecekapan pengeluaran di sepanjang rantai nilai industri komoditi, termasuk mengoptimumkan penggunaan sumber.

Teras 2

Memacu Pemodenan Industri Komoditi

Penggunaan teknologi moden, mekanisasi dan automasi akan diperluas bagi meningkatkan produktiviti industri komoditi. Tumpuan diberi bagi menggalakkan penggunaan teknologi untuk menjimatkan kos, mengurangkan pergantungan terhadap tenaga buruh dan meningkatkan kualiti di sepanjang rantai nilai industri komoditi.

Pemodenan industri komoditi termasuk penekanan kepada Amalan Pertanian Baik (*Good Agriculture Practices* - GAP), Amalan Pengilangan Baik (*Good Manufacturing Practices* - GMP) dan pengurusan Analisis Kitar Hayat (*Life Cycle Analysis* - LCA) akan memudahkan cara akses produk komoditi di pasaran antarabangsa.

Teras 3

Mempelbagai Penghasilan Produk Bernilai Tambah Tinggi

Usaha akan dipergiat untuk mempelbagai penghasilan produk hiliran bernilai tambah tinggi bagi memenuhi keperluan pasaran. Ini disokong oleh jaringan kolaborasi R&D tempatan dan antarabangsa bagi memperkukuh sumbangan industri komoditi sedia ada.

Teras 4

Menjana Sumber Pendapatan Baharu

Tumpuan pembangunan tidak hanya terhad kepada industri komoditi sedia ada tetapi turut meliputi usaha progresif bagi memajukan komoditi baru seperti sagu dan kenaf untuk menjana sumber pertumbuhan ekonomi dan pendapatan. Ini termasuk menggalakkan inovasi

dan mempergiatkan aktiviti R&D di peringkat hulu dan hiliran, terutamanya dalam mengeluarkan bahan tanaman berkualiti tinggi dan menghasilkan produk bernilai tambah tinggi.

Pelaksanaan konsep *waste to wealth* akan terus dimaju dan digalakkan. Melalui aktiviti R&D, sisa buangan industri sawit, getah, koko dan sagu berpotensi dibangunkan bagi menghasilkan produk-produk baharu mesra alam dan mampan. Selain mampu menjana punca pendapatan baharu, penggunaan sisa buangan industri komoditi juga dapat mengoptimumkan penggunaan sumber dan membantu memulihara alam sekitar.

Teras 5

Meningkatkan Daya Saing dan Memperluas Pasaran

Daya saing industri diperkasa melalui penjenamaan produk berasaskan komoditi yang berkualiti, mampan dan mesra alam. Bagi melengkapkan usaha ini, tumpuan diberikan ke arah pembangunan produk yang memenuhi citarasa pengguna dan kehendak pasaran terkhusus (*niche market*).

Kerjasama serantau dan antarabangsa akan diperkukuh untuk menjamin pasaran produk komoditi tempatan di pasaran global. Penyebaran maklumat mengenai industri dan produk komoditi yang mampan akan dilaksanakan dengan lebih meluas menerusi kerjasama pihak swasta dan badan-badan bukan kerajaan.

Penggunaan teknologi maklumat dan komunikasi terkini akan ditingkatkan, termasuk mewujudkan sistem risikan dan maklumat mengenai pasaran komoditi negara. Ini adalah bagi memudahkan cara perdagangan komoditi negara di pasaran antarabangsa secara lebih meluas.

Teras 6

Memajukan Pekebun Kecil dan Usahawan

Para pekebun kecil komoditi akan terus dimajukan melalui pendekatan pembangunan bersepadu, termasuk menggalakkan program tanam semula menggunakan bahan tanaman berkualiti, menyediakan khidmat nasihat teknikal dan meningkatkan penggunaan mekanisasi. Sektor ini juga diperkasa dengan menggalakkan pengurusan

pekebun kecil secara berkelompok, termasuk diintegrasikan dengan aktiviti pemprosesan bernilai tambah.

Bina upaya usahawan berasaskan industri komoditi akan terus dipergiat melalui penyediaan latihan, peningkatan tahap kemahiran dan pemindahan teknologi. Ini disokong dengan usaha bagi meningkatkan akses pasaran, termasuk penggalakan pensijilan, pembungkusan, penjenamaan dan penyertaan dalam pameran perdagangan. Inisiatif bagi meningkatkan rangkaian pemasaran dan promosi akan turut melibatkan kerjasama dengan syarikat berkepentingan Kerajaan dan swasta.

Teras 7

Membangun dan Memperkasa Modal Insan

Pembangunan modal insan akan diperkasa, terutamanya bagi meningkatkan bilangan tenaga mahir dan separa mahir untuk memacu pemodenan dan meningkatkan daya saing industri komoditi. Tumpuan akan diberi bagi meningkatkan tahap kemahiran dan pengetahuan guna tenaga di kedua-dua peringkat hulu dan hiliran dalam penggunaan dan penyebaran teknologi terkini.

Usaha pembangunan modal insan akan diperluas melalui pengukuhan peranan Institut Perladangan dan Komoditi Malaysia (IMPAC), termasuk mewujudkan kerjasama dengan pihak industri. Pengiktirafan ke atas kursus-kursus dan latihan kemahiran yang ditawarkan akan meningkatkan imej kerjaya dan mampu menarik lebih ramai tenaga kerja tempatan menyertai industri komoditi. Di samping itu, kolaborasi dengan institusi pengajian tinggi tempatan dan luar negara dalam bidang yang diperlukan oleh industri seperti bioteknologi, mekanisasi dan kejuruteraan perladangan akan dikembangkan bagi memenuhi keperluan industri.



BAB 3

Menerajui Kemajuan Industri Sawit

Meneraju Kemajuan Industri Sawit

Peranan industri sawit sebagai salah satu penyumbang utama kepada pertumbuhan ekonomi negara, terutamanya pembangunan ekonomi luar bandar, akan diperkukuh melalui pelaksanaan program di peringkat hulu dan hilir. Di peringkat hulu, tumpuan akan diberikan kepada pelaksanaan program tanam semula sawit dan penggalakkan Amalan Pertanian Baik (GAP).

Manakala, di peringkat hilir pula usaha-usaha bagi memajukan industri berasaskan sawit seperti industri derivatif oleokimia, nutraseutikal, farmaseutikal dan produk makanan akan dipergiat. Selain itu, pembangunan perusahaan kecil dan sederhana (PKS) berasaskan sawit juga akan diperluas melalui pemindahan hasil penyelidikan dan pembangunan (R&D) serta pengukuhan jaringan industri. Di bawah *Economic Transformation Programme* (ETP) industri sawit juga telah dikenal pasti sebagai bidang ekonomi utama kedua selepas industri petroleum dan gas yang akan menyumbang kepada peningkatan pendapatan negara menjelang tahun 2020.

PROSPEK INDUSTRI SAWIT, 2011-2020

Dalam tempoh 2011-2020, industri sawit dijangka berkembang berikutan peningkatan permintaan terhadap komoditi sawit dan produk-produk berkaitan. Pertumbuhan pengeluaran minyak sawit mentah (*Crude Palm Oil* – CPO) akan dicapai melalui peluasan kawasan penanaman sawit dan peningkatan produktiviti. Kawasan tanaman sawit dijangka berkembang daripada 4.9 juta hektar pada tahun 2010 kepada 5.7 juta hektar pada tahun 2020, di mana sebahagian besar kawasan baharu tanaman sawit ialah di Sabah dan Sarawak.

Selaras dengan peningkatan kawasan matang dan inisiatif peningkatan produktiviti, pengeluaran CPO diunjurkan meningkat daripada 17.0 juta tan pada tahun 2010 kepada 25.3 juta tan pada tahun 2020. Peningkatan produktiviti akan dicapai dengan pelaksanaan Kod Amalan (*Code of Practices* - CoP) secara lebih meluas, penggunaan klon berhasil tinggi dan pelaksanaan program tanam semula yang lebih giat. Guna tenaga dalam aktiviti perladangan dan pengilangan minyak sawit dijangka meningkat daripada 620,000 orang kepada 702,000 orang berikutan perkembangan pesat industri ini. Pada masa yang sama, penggunaan mekanisasi ladang dan automasi kilang akan dipertingkatkan dan diperluaskan.

Penggunaan domestik minyak sawit dijangka meningkat daripada 2.1 juta tan pada tahun 2010 kepada 4.1 juta tan pada tahun 2020. Peningkatan ini didorong antara lain oleh penggunaan minyak

sawit bagi penghasilan produk-produk minyak sawit diproses, terutamanya derivatif oleokimia, biodiesel, makanan, produk farmaseutikal dan nutraseutikal.

Jadual 3.1:
Unjuran Industri Sawit, 2011-2020

Perkara	Tahun			Pertumbuhan Tahunan (%)		
	2010	2015	2020	2011-2015	2016-2020	2011-2020
Keluasan Tanaman (Juta Hektar)	4.9	5.3	5.7	1.6	1.5	1.5
Pengeluaran (Juta Tan)						
- Minyak Sawit Mentah	17	23.8	25.3	7.0	1.2	4.1
- Isirung Sawit	4.3	5.9	7.4	6.5	4.6	5.6
- Minyak Isirung Sawit	2	2.6	3.2	5.4	4.2	4.8
Produktiviti						
- Buah Tandan Segar (FFB) (Tan/Hektar)	19	22.9	26	3.8	2.6	3.2
- Kadar Perahan Minyak (OER) (%)	20.5	21.6	23	1.1	1.3	1.2
Guna tenaga (‘000)	620	687	702	2.1	0.4	1.2
Penggunaan Tempatan (Juta Tan)	2.1	3.8	4.1	12.6	1.5	6.9

Sumber : Lembaga Minyak Sawit Malaysia

Eksport minyak sawit dan produk-produk berasaskan sawit dijangka meningkat daripada 24.3 juta tan dengan nilai RM62.9 bilion pada tahun 2010 kepada 37.8 juta tan bernilai RM103.0 bilion

pada tahun 2020. Peningkatan ini disumbangkan oleh pertambahan jumlah eksport minyak sawit. Harga purata CPO dijangka berada pada julat RM2,600 hingga RM2,800 se tan.

Jadual 3.2:
Unjuran Eksport Produk Sawit, 2011-2020

Produk	Tahun (Juta Tan)			Pertumbuhan Tahunan (%)		
	2010	2015	2020	2011-2015	2016-2020	2011-2020
Minyak Sawit	17.2	20.4	23.7	3.5	3.0	3.3
Minyak Isirung Sawit	1	2.4	3.1	19.1	5.3	12.0
Dedak Isirung Sawit	2.2	3.1	3.5	7.1	2.5	4.8
Oleokimia	3.4	4	4.5	3.3	2.4	2.8
Produk Lain	0.5	2.5	3	38.0	3.7	19.6
JUMLAH	24.3	32.4	37.8	5.9	3.1	4.5
Hasil Eksport (RM bilion)	62.9	86	103.0	6.5	3.7	5.1
Harga CPO (RM/Tan)	2,704	2,600	2,800	-0.8	1.5	0.3

Sumber : Jabatan Perangkaan Malaysia dan Lembaga Minyak Sawit Malaysia

Mulai tahun 2011, pembangunan industri sawit akan dipergiat melalui pelaksanaan lapan (8) Projek Penggerak Ekonomi (*Entry Point Projects* - EPP) di bawah Bidang Ekonomi Utama Nasional (*National Key Economic Area* - NKEA) seperti berikut:

- Mempercepat penanaman semula kelapa sawit;
- Meningkatkan hasil FFB;
- Meningkatkan produktiviti pekerja;
- Meningkatkan kadar perahan minyak;
- Membangunkan biogas di kilang sawit;

- Membangunkan derivatif oleokimia;
- Mengkomersilkan biobahan api generasi kedua; dan
- Mempercepatkan pertumbuhan segmen hiliran berasaskan makanan dan kesihatan.

Pelaksanaan EPP dijangka menyumbang kepada peningkatan Pendapatan Negara Kasar (*Gross National Income* - GNI) industri sawit sebanyak RM52.7 bilion dari tahun 2009 kepada RM178 bilion pada tahun 2020. Di samping itu, purata pendapatan tahunan pekebun kecil persendirian akan meningkat sebanyak 47 peratus daripada RM4,794 sehektar pada tahun 2010 kepada RM7,047 sehektar pada tahun 2020.

STRATEGI INDUSTRI SAWIT, 2011-2020

Teras strategik bagi memperkukuh pembangunan industri sawit adalah seperti berikut:

- Meningkatkan produktiviti aktiviti huluan;
- Meningkatkan aktiviti hiliran dan pengeluaran produk bernilai tambah tinggi;
- Menjana pendapatan dari sumber baharu;
- Memperkukuh pasaran sedia ada dan meneroka pasaran baharu;
- Mempergiat aktiviti penyelidikan, pembangunan dan pengkomersilan (R&D&C);
- Membangunkan industri sawit yang mampan dan mesra alam; dan
- Memperkukuh pembangunan modal insan.

Meningkatkan Produktiviti Aktiviti Huluan

Produktiviti aktiviti huluan sawit akan dipertingkatkan dengan memberi fokus kepada pencapaian sasaran hasil FFB sebanyak 26 tan sehektar dan OER 23 peratus di peringkat nasional pada tahun 2020 melalui strategi berikut:

- i. Melaksanakan GAP melalui CoP Lembaga Minyak Sawit Malaysia (MPOB) meliputi:
 - Penggalakan tanam semula pokok sawit tua dan tidak produktif atau menanam pokok sawit baru di kalangan pekebun kecil;
 - Penyampaian perkhidmatan pengembangan yang lebih cekap meliputi pembekalan bahan tanaman berhasil tinggi kepada pekebun kecil;
 - Penanaman di tanah yang sesuai;
 - Penggunaan agrokimia dan pengurusan penyakit secara cekap; dan
 - Pematuhan piawaian penuaian dan penggredan.
- ii. Meningkatkan produktiviti pekebun kecil melalui program tanam semula, penubuhan koperasi dan pewujudan kelompok sawit mampan;

- iii. Memperkenal penarafan koperasi, pekebun kecil dan ladang secara tahunan;
- iv. Meningkatkan mekanisasi ladang melalui penyediaan insentif dan galakan bagi mengurangkan kebergantungan kepada tenaga buruh;
- v. Membangun dan menaiktaraf infrastruktur, sistem pengangkutan dan logistik, khususnya di Sabah dan Sarawak; dan
- vi. Meningkatkan kecekapan kilang sawit dengan menambah baik sistem penggredan buah dan menaik taraf teknologi pemprosesan.

Meningkatkan Aktiviti Hiliran dan Pengeluaran Produk Bernilai Tambah Tinggi

Selaras dengan aspirasi untuk menjadikan Malaysia sebagai hub industri sawit, strategi-strategi berikut akan dilaksanakan:

- i. Mengembangkan aktiviti pengeluaran produk bernilai tinggi, terutamanya di Kluster Industri Minyak Sawit (*Palm Oil Industry Cluster* - POIC);
- ii. Menggalakkan usaha sama pelabur asing dengan syarikat tempatan bagi mendirikan kilang pemprosesan derivatif oleokimia di Malaysia;
- iii. Menggalakkan kerjasama dengan syarikat petrokimia, terutamanya dalam perkongsian bahan mentah untuk pengeluaran derivatif oleokimia;
- iv. Menggalakkan syarikat perladangan utama menceburi aktiviti pemprosesan produk akhir sebagai syarikat peneraju dengan penglibatan pekebun kecil sawit dan koperasi pekebun kecil sawit; dan
- v. Menyediakan insentif cukai bagi syarikat Malaysia mengambil alih syarikat pengeluar makanan milik asing yang terbukti mempunyai produk dan pasaran yang berjaya.

Menjana Pendapatan Dari Sumber Baharu

Bagi memanfaatkan potensi daripada sumber sawit, strategi-strategi berikut akan dilaksanakan:

- i. Menggalakkan amalan buangan sifar oleh industri melalui penggunaan biojisim sebagai sumber tenaga alternatif, baja bio-organik, makanan ternakan, bahan mentah kepada industri perabot, produk kimia bernilai tinggi seperti kimia lignoselulosik (selulosa, lignin, hemiselulosa) dan ekstrak fitonutrien; dan
- ii. Mempelbagai produk sawit yang bernilai tinggi seperti oleokimia, nutraseutikal, farmaseutikal, makanan, biodiesel, biojisim, biogas dan biobahan api generasi kedua.

Memperkukuh Pasaran Sedia Ada dan Meneroka Pasaran Baharu

Bagi meningkatkan pasaran eksport minyak sawit negara, usaha pengukuhan pasaran sedia ada dan penerokaan pasaran baharu akan dilaksanakan melalui strategi-strategi berikut:

- i. Menjenamakan minyak sawit Malaysia sebagai minyak berkualiti, berkhasiat, selamat, mampan dan halal;
- ii. Memperkenal penjenamaan khusus seperti *MalaysiaPalm* untuk minyak sawit dan produk sawit Malaysia;
- iii. Mempergiat dan memperkukuh industri hiliran untuk PKS bagi menghasilkan produk akhir untuk pasaran eksport dan kegunaan tempatan;
- iv. Menggalakkan industri sawit Malaysia mematuhi piawaian di peringkat antarabangsa dan di negara-negara pengguna;
- v. Mempertingkatkan khidmat nasihat teknikal dan menggalakkan industri sawit tempatan melaksanakan pelaburan di luar pesisir (*offshore*) dalam sektor pemprosesan dan kemudahan penyimpanan;
- vi. Meneroka dan mempergiat promosi di pasaran baharu, termasuk Asia Tengah, Afrika, Eropah Timur dan Amerika Latin;

- vii. Memperluas dan memperkukuh pasaran premium di negara maju seperti Amerika Syarikat dan Kesatuan Eropah;
- viii. Mempergiat kerjasama R&D dengan universiti, institusi dan syarikat negara pengimport;
- ix. Mengeratkan jaringan kerjasama di kalangan negara pengeluar utama minyak sawit bagi tujuan menstabilkan harga pada paras yang menguntungkan;
- x. Mewujudkan rundingan dua hala dan serantau dengan negara pengguna dan pengimport melalui penglibatan dalam Perundingan Perjanjian Perdagangan Bebas (*Free Trade Agreement - FTA*) untuk memastikan minyak sawit Malaysia memperoleh layanan pasaran yang baik dari segi tarif dan bukan tarif; dan
- xi. Memperkukuh Sistem Risikan dan Maklumat Pasaran Sawit (*Palm Oil Market Intelligence Information System*) bagi tujuan perancangan pemasaran serta pemantauan pasaran minyak sayuran dan lemak lain.

Mempergiat Aktiviti Penyelidikan, Pembangunan dan Pengkomersilan

Bagi memperkukuh daya saing industri sawit negara, strategi-strategi di bawah R&D&C adalah:

- i. Meningkatkan R&D&C bagi menghasilkan bahan tanaman sawit yang berkualiti dari segi peningkatan penghasilan FFB dan penghasilan minyak sawit mentah serta ketahanan terhadap serangan penyakit;
- ii. Mempergiat aktiviti R&D dengan memberi fokus kepada aktiviti pra-pengkomersilan, penggunaan teknologi hijau, pembangunan produk baharu bernilai tinggi dan teknologi pemprosesan;
- iii. Memperluas kerjasama penyelidikan dan pembangunan serta kajian pembangunan pemasaran dengan kumpulan penyelidik di universiti, institusi penyelidikan kerajaan dan swasta, agensi serta industri sawit;

- iv. Menggalakkan R&D&C dalam pengeluaran bahan makanan haiwan berasaskan biojisim dan bahan sampingan industri sawit;
- v. Menjalankan penyelidikan kolaborasi secara strategik dengan PKS, pengimport dan pengeluar minyak dan lemak dunia bagi mempertingkatkan penggunaan minyak sawit dan oleokimia berasaskan sawit untuk makanan dan bukan makanan. Kerjasama ini juga melibatkan pusat penyelidikan antarabangsa, syarikat multinasional, makmal perkhidmatan, dan juga pusat pengujian dan pensijilan; dan
- vi. Mewujudkan kerjasama strategik dengan universiti-universiti dan institusi-institusi penyelidikan terkemuka di dalam dan luar negara.
- vii. Mengawasi aktiviti pengeluaran dan pemprosesan minyak sawit serta pengurusan sisa buangan sawit agar memenuhi syarat keselamatan makanan, kualiti dan kemampunan;
- viii. Menyediakan insentif fiskal bagi penghasilan dan penggunaan teknologi hijau dalam aktiviti pengeluaran dan pemprosesan sawit; dan
- ix. Menggalakkan pengeluaran minyak sawit secara mampan melalui persijilan *Roundtable on Sustainable Palm Oil (RSPO) / International Sustainability and Carbon Certification (ISCC) / Round Table on Sustainable Biofuel (RSB)*.

Memperkukuh Pembangunan Modal Insan

Pengukuhan modal insan dalam industri sawit akan dilaksanakan melalui strategi berikut:

Membangunkan Industri Sawit Yang Mampan dan Mesra Alam

Pendekatan mampan dan mesra alam akan dilaksanakan bagi memastikan industri sawit kekal berdaya saing melalui strategi-strategi berikut:

- i. Memastikan pembangunan industri sawit yang mampan dengan mengambil kira peraturan alam sekitar. Seterusnya menjalankan *Life Cycle Analysis (LCA)* bagi setiap peringkat industri bermula dari peringkat penanaman sawit, pengilangan minyak hingga kepada produk hiliran;
- ii. Menerapkan GAP dan menguatkuasakan pensijilan CoP MPOB dengan tujuan meningkatkan produktiviti dan menyeragamkan proses pengeluaran produk sawit bagi seluruh industri sawit;
- iii. Memastikan penanaman sawit tidak menjejaskan alam sekitar, premis dan komuniti;
- iv. Menguatkuasakan Kod Amalan Tapak Semaian Baik bagi tapak semaian sawit;
- v. Mengamalkan *Good Manufacturing Practices (GMP)*;
- vi. Memberi pengiktirafan kepada premis yang telah melaksanakan GAP di peringkat nasional dan antarabangsa;
- i. Mengurangkan kebergantungan kepada buruh dengan meningkatkan mekanisasi ladang melalui penyediaan insentif dan galakan;
- ii. Meningkatkan tenaga profesional untuk menyokong pembangunan industri sawit dengan menambah bilangan kursus dan graduan dalam bidang agronomi, sains tanah, kaji penyakit dan serangga, sains rumpai, kejuruteraan pertanian, kejuruteraan bio, kejuruteraan kimia, sains makanan, teknologi makanan, nutraseutikal, perniagaan tani, oleokimia, nutrisi, sains kosmetik serta penyelidikan dan pembangunan produk pengguna;
- iii. Menawarkan kursus dan latihan kemahiran industri sawit melalui Institut Perladangan dan Komoditi Malaysia (IMPAC), terutamanya bagi menampung keperluan sektor ladang, kilang, biokimia, makanan dan pemakanan, pengurusan perniagaan, farmaseutikal dan nutraseutikal; dan
- iv. Memartabatkan pengajian teknikal dan vokasional pertanian bagi mewujudkan tenaga mahir dan separa mahir dalam industri sawit termasuk pengendalian jentera ladang. Peluang kerjaya dalam bidang mekanisasi ladang diperkenalkan di peringkat sekolah bagi menyemaikan kesedaran dan pengetahuan tentang prospek pekerjaan di industri sawit.



BAB 4

Memperkasa Industri Getah

Memperkasa Industri Getah

Di Malaysia, getah asli masih berperanan sebagai tanaman komoditi strategik, terutamanya bagi menyokong industri pembuatan produk berasaskan getah dan sebagai sumber pendapatan utama bagi pekebun kecil. Pada tahun 2010, daripada keseluruhan keluasan tanaman getah negara berjumlah 1.02 juta hektar, seluas 966,051 hektar atau 95 peratus diusahakan oleh pekebun kecil.

Selaras dengan usaha menjadikan Malaysia sebuah negara maju dan berpendapatan tinggi menjelang tahun 2020, industri getah dijangka akan terus memberi sumbangan dari segi pengeluaran produk-produk bernilai tambah tinggi dan mesra alam bagi memenuhi pasaran dunia. Tumpuan akan diberi untuk mengekalkan daya saing industri getah negara yang kini merupakan pengeluar getah asli ketiga terbesar di dunia selepas Thailand dan Indonesia. Memandangkan negara-negara pengeluar getah lain seperti Vietnam dan Kemboja mempunyai kelebihan dari segi kos pengeluaran yang lebih rendah, cabaran utama industri getah di Malaysia adalah untuk meningkatkan produktiviti, mempelbagai produk-produk terkhusus dan meluaskan syer di pasaran dunia.

PROSPEK INDUSTRI GETAH, 2011-2020

Peningkatan aliran permintaan getah global dijangka berterusan dan seterusnya mengukuhkan harga getah *Free On Board* (FOB) bagi *Standard Malaysia Rubber 20* (SMR20) pada paras melebihi RM12 sekilogram. Ini berikutan jumlah penggunaan getah dunia yang dijangka akan melebihi 30 juta tan setahun pada tahun 2020 bagi memenuhi keperluan industri automatif, perubatan dan pembinaan. Antara produk utama berasaskan getah yang dijangka kekal mempunyai

permintaan yang tinggi adalah sarung tangan, tayar, kateter dan bebenang getah.

Selaras dengan peningkatan permintaan, keluasan kawasan tanaman getah dijangka bertambah pada kadar 1.6 peratus setahun daripada 1.02 juta hektar pada tahun 2010 kepada 1.2 juta hektar pada tahun 2020. Pengeluaran getah asli dijangka meningkat sebanyak 7.8 peratus setahun kepada 2 juta tan pada tahun 2020. Peningkatan pengeluaran dicapai hasil daripada peluasan kawasan tanaman getah dan peningkatan produktiviti daripada 1.5 tan sehektar pada tahun 2010 kepada 2 tan sehektar pada tahun 2020.

Keperluan dan penggunaan getah asli oleh sektor hiliran tempatan dijangka meningkat sekali ganda daripada 0.5 juta tan pada tahun 2010 kepada 1 juta tan pada tahun 2020. Ini adalah selaras dengan usaha untuk meningkatkan perkembangan industri hiliran berasaskan getah.

Pendapatan eksport getah dan produk getah pula dijangka meningkat pada kadar tahunan 12.2 peratus daripada RM24.6 bilion pada tahun 2010 kepada RM78 bilion pada tahun 2020. Produk berasaskan getah dijangka kekal sebagai penyumbang utama pendapatan eksport sebanyak RM50 bilion di mana RM30 bilion atau 60 peratus disumbangkan oleh sektor sarung tangan getah. Berikutan harga getah yang dijangka kekal sekitar RM12 sekilogram sehingga tahun 2011-2015 dan mencapai RM13 sekilogram pada 2016 – 2020, eksport getah asli dan getah kompaun di peringkat hulu disasar akan menyumbang sebanyak RM28 bilion.

Import getah asli juga dijangka meningkat daripada 0.7 juta tan pada tahun 2010 kepada 0.8 juta tan pada tahun 2020. Import bahan mentah berkenaan, khususnya lateks, adalah bagi menampung keperluan industri hiliran berasaskan getah tempatan.

Jadual 4.1 :
Unjuran Industri Getah, 2011-2020

Perkara	Tahun			Pertumbuhan Tahunan (%)		
	2010	2015	2020	2011-2015	2016-2020	2011-2020
Keluasan Tanaman (Juta Hektar)	1.02	1.15	1.20	2.4	0.9	1.6
Pengeluaran ('000 Tan)	940	1,500	2,000	9.8	5.9	7.8
Produktiviti (Tan / Hektar)	1.48	1.60	2	1.6	4.6	3.1
Penggunaan Tempatan Getah Asli (Juta Tan)	0.46	0.65	1	7.2	9.0	8.1
Guna Tenaga						
Peringkat Hulu	13,000	15,000	18,000	2.9	3.7	3.3
Peringkat Midstream	4,000	5,000	6,000	4.6	3.7	4.1
Peringkat Hiliran	62,000	69,000	79,000	2.2	2.7	2.5
Import						
Kuantiti (Ribu Tan)	708	705	800	-0.1	2.6	1.2
Nilai (RM juta)	5,449	6,750	8,000	4.4	3.5	3.9
Pendapatan Eksport (RM Juta)	24,665	43,600	78,000	12.1	12.3	12.2
Getah Asli & Getah Kompau	12,090	17,900	28,000	8.2	9.4	8.8
Produk Berasaskan Getah	12,597	25,700	50,000	15.3	14.2	14.8

Sumber : Lembaga Getah Malaysia, Jabatan Perangkaan Malaysia

STRATEGI INDUSTRI GETAH, 2011-2020

Teras strategik untuk memperkasa industri getah adalah seperti berikut:

- Meningkatkan produktiviti dan kemampanan pengeluaran getah;
- Memperkukuh penyelidikan, pembangunan dan pengkomersilan (R&D&C) untuk meningkatkan daya saing industri getah;
- Memantapkan aktiviti pemprosesan getah dan pengeluaran produk berasaskan getah;
- Meningkatkan syer produk berasaskan getah Malaysia di pasaran dunia; dan
- Memperkukuh pembangunan modal insan.

Meningkatkan Produktiviti dan Kemampanan Pengeluaran Getah

Bagi meningkatkan produktiviti dan kemampanan pengeluaran getah negara, strategi-strategi berikut akan dilaksanakan:

- Meningkatkan produktiviti pekebun kecil melalui program penanaman semula getah dengan klon-klon yang produktif dengan sasaran kawasan tanaman semula ditingkatkan kepada 40,000 hektar setahun;
- Meningkatkan kadar hasil getah melalui peluasan penggunaan klon getah berhasil tinggi dan teknik eksploitasi lateks terkini yang berupaya menghasilkan 2 tan sehektar setahun;

- iii. Memperluas kawasan tanaman getah kepada 1.2 juta hektar menjelang tahun 2020 dengan sasaran pembukaan kawasan baharu sebanyak 30,000 hektar setahun;
- iv. Memperluas penubuhan estet mini getah dengan menggabungkan kebun-kebun kecil bagi meningkatkan kecekapan pengurusan dan produktiviti pekebun kecil termasuk penglibatan sektor swasta dalam pengurusan mini estet;
- v. Memperkasa perkhidmatan pengembangan bagi menggalakkan amalan pertanian baik dan memindahkan teknologi secara berkesan khususnya kepada pekebun kecil;
- vi. Mempertingkatkan pengeluaran anak benih berkualiti tinggi untuk memenuhi permintaan dan menggalakkan pensijilan kompetensi bagi pengeluaran bahan tanaman berkualiti; dan
- vii. Menyediakan skim insentif kepada pekebun kecil bagi menggalakkan pengeluaran lateks daripada 100,000 tan pada tahun 2010 kepada 700,000 tan pada tahun 2020 untuk memenuhi permintaan industri.

Memperkukuh Penyelidikan, Pembangunan dan Pengkomersilan Untuk Meningkatkan Daya Saing Industri Getah

Mengukuhkan R&D&C bagi meningkatkan daya saing industri getah melalui strategi-strategi berikut:

- i. Mempertingkatkan aktiviti R&D&C bagi pengeluaran klon getah berhasil tinggi, penambahbaikan amalan pertanian baik dan peningkatan kecekapan teknologi pemprosesan;
- ii. Meningkatkan pengkomersilan produk-produk berasaskan getah yang mesra alam seperti ekoprena bagi pengeluaran tayar bersifat 'hijau' dan pureprena bagi industri kejuruteraan, automotif, marin dan aplikasi perubatan;

- iii. Menggalakkan penyelidikan dan pembangunan (R&D) dalam bidang mekanisasi dan automasi di peringkat hulu dan hiliran; dan
- iv. Mengukuhkan kerjasama dengan industri dan institusi pengajian tinggi melalui penekanan terhadap pembangunan teknologi pemprosesan bahan buangan getah dan teknologi pemprosesan mesra alam yang bersepadu.

Memantapkan Aktiviti Pemprosesan Getah dan Pengeluaran Produk Berasaskan Getah

Mengembangkan aktiviti pemprosesan getah di peringkat hiliran melalui strategi-strategi berikut:

- i. Menggalakkan pelaburan baharu dalam industri hiliran, terutamanya dalam pengeluaran produk-produk bernilai tambah tinggi seperti produk farmaseutikal, bahan binaan, komponen automotif, kejuruteraan bahan dan bahan termaju;
- ii. Memperkukuh perkhidmatan sokongan teknikal kepada industri bagi memudahkan pembangunan aktiviti pemprosesan dan produk baharu;
- iii. Memastikan bekalan sumber seperti tenaga kerja dan gas asli mencukupi bagi memenuhi keperluan industri berasaskan getah;
- iv. Menggalakkan penggunaan mekanisasi, terutamanya dalam industri berasaskan lateks;
- v. Membantu pembangunan perusahaan kecil dan sederhana (PKS) berasaskan getah melalui pemindahan teknologi dan memperkukuhkan jaringan industri; dan
- vi. Menggalakkan industri getah berkonsepkan bahan buangan sifar yang mampan dan mesra alam.

Meningkatkan Syer Produk Berasaskan Getah Malaysia di Pasaran Dunia

Meningkatkan syer produk-produk berasaskan getah Malaysia di pasaran dunia melalui strategi-strategi berikut:

- i. Meningkatkan aktiviti risikan pasaran bagi memperkukuh pasaran sedia ada dan menerokai pasaran baharu / terkhusus bagi produk berasaskan getah bernilai tambah tinggi;
- ii. Menyediakan insentif bagi pengkomersilan dan pemasaran produk getah 'hijau' seperti ekoprena dan pureprena selaras dengan penguatkuasaan peraturan penggunaan produk mesra alam;
- iii. Memperkukuh jaringan kerjasama di antara agensi Kerajaan yang berkenaan dan pihak industri dalam perkongsian maklumat pasaran; dan
- iv. Memperkasa jenama produk berasaskan getah Malaysia melalui kempen dan promosi yang lebih giat di pasaran global.

Memperkukuh Pembangunan Modal Insan

Menyediakan modal insan yang terlatih dan mahir bagi menyokong pembangunan industri getah agar berdaya saing dan mampan melalui strategi-strategi berikut:

- i. Meningkatkan penyertaan tenaga kerja tempatan dengan menyediakan persekitaran kerja dan sistem upah yang menarik; dan
- ii. Menggalakkan institusi pengajian dan latihan tempatan menawarkan kursus-kursus berkaitan pembangunan industri getah di peringkat huluan dan hiliran.



BAB 5

Mempergiat Pembangunan Industri Kayu-kayan

Mempergiat Pembangunan Industri Kayu-Kayan

Industri kayu-kayan merupakan antara penyumbang utama kepada pertumbuhan ekonomi negara. Ia telah mengalami transformasi daripada pengeluar kayu balak tropika kepada pengeksport produk kayu bernilai tambah tinggi. Eksport kayu dan produk kayu negara yang bernilai RM17.1 bilion pada tahun 2000 telah meningkat sebanyak 18.7 peratus kepada RM20.3 bilion pada tahun 2010. Di peringkat global, Malaysia merupakan salah satu negara utama pengeksport produk perabot.

Pada Februari 2009, Dasar Perindustrian Kayu Negara (*National Timber Industry Policy – NATIP*) telah dilancarkan bagi menetapkan hala tuju pembangunan industri kayu-kayan negara sehingga tahun 2020. Kerangka pembangunan industri kayu-kayan negara dalam DKN turut meliputi teras-teras yang digariskan di bawah NATIP.

PROSPEK INDUSTRI KAYU-KAYAN, 2011-2020

Malaysia perlu mempergiatkan pembangunan industri kayu-kayan bernilai tambah tinggi memandangkan peningkatan persaingan daripada negara-negara pengeluar produk kayu-kayan berkos rendah. Pada masa ini, pengeluaran dan eksport produk kayu-kayan negara masih didominasi oleh produk huluan seperti kayu balak, kayu gergaji dan papan lapis. Tumpuan pembangunan industri kayu kayan negara adalah bagi mempergiatkan pengeluaran produk hiliran bernilai tambah tinggi berbanding produk huluan pada nisbah 60:40. Nisbah nilai eksport produk bernilai tambah tinggi berbanding produk huluan yang dicatatkan pada tahun 2010 adalah 42:58.

Jumlah eksport kayu dan produk-produk kayu disasarkan mencapai RM53.2 bilion menjelang tahun 2020. Daripada jumlah tersebut, sebanyak

RM31.9 bilion dari peringkat hiliran manakala baki sebanyak 21.3 bilion akan disumbangkan oleh peringkat huluan.

Jadual 5.1:
Unjuran Eksport Kayu-Kayan, 2011-2020 (RM Bilion)

Perkara	Tahun			Pertumbuhan Tahunan (%)		
	2010	2015	2020	2011-2015	2016-2020	2011-2020
Peringkat Huluan						
Kayu Balak	2.1	3.08	3.59	8.0	3.1	5.5
Kayu Gergaji	2.2	4.24	4.93	14.0	3.1	8.4
Papan Lapis	5.1	8.41	9.79	10.5	3.1	6.7
Produk Huluan Lain *	2.2	2.54	2.96	2.9	3.1	3.0
JUMLAH	11.6	18.27	21.27	9.5	3.1	6.3
Peringkat Hiliran						
Kayu Kumai	0.7	1.78	2.74	20.5	9.0	14.6
Kayu Tanggam	0.9	3.01	4.64	27.3	9.0	17.8
Perabot Kayu	6.6	14.96	23.04	17.8	9.0	13.3
Produk Hiliran Lain**	0.5	0.97	1.44	14.2	8.2	11.2
JUMLAH	8.7	20.72	31.90	19.0	9.0	13.9
JUMLAH KESELURUHAN	20.3	38.99	53.17	13.9	6.4	10.1

Nota : * venir, papan serpai, papan gentian, buluh dan rotan.

** bingkai kayu, perabot rotan, komposit kayu plastik dan peti barang

Sumber : Lembaga Perindustrian Kayu Malaysia

STRATEGI INDUSTRI KAYU-KAYAN, 2011-2020

Agenda bagi memajukan industri kayu-kayan akan diteruskan agar lebih berdaya saing dan mampan serta memperkukuh jalinan kerjasama di sepanjang rangkaian nilai industri melalui pelaksanaan teras-teras strategik berikut:

- Meningkatkan dan mempelbagai sumber bekalan bahan mentah;
- Memperkukuh inovasi dan teknologi melalui penyelidikan, pembangunan dan pengkomersilan (R&D&C);
- Memperluas pasaran dan penjenamaan;
- Memudahkan pembangunan perusahaan kecil dan sederhana (PKS);
- Menjana potensi sumber pertumbuhan baharu;
- Meningkatkan penyertaan Bumiputera; dan
- Membangun dan memperkasa modal insan.

Meningkatkan dan Mempelbagai Sumber Bekalan Bahan Mentah

Bagi meningkatkan peranan industri kayu-kayan Malaysia, strategi-strategi berikut akan dilaksanakan untuk meningkatkan dan mempelbagai sumber bahan mentah:

- i. Melaksanakan Pengurusan Hutan Secara Mampan (SFM) dan Program Pembangunan Ladang Hutan bagi memastikan bekalan bahan mentah yang berterusan;
- ii. Mengukuhkan rangkaian industri di peringkat hulu dan hilir di antara Semenanjung, Sabah dan Sarawak;
- iii. Meningkatkan penggunaan biojisim dan bahan komposit sebagai bahan mentah bersifat mampan; dan
- iv. Menggalakkan penggunaan sumber hutan bukan kayu seperti rotan dan buluh sebagai bahan mentah alternatif.

Memperkukuh Inovasi dan Teknologi Melalui Penyelidikan, Pembangunan dan Pengkomersilan

R&D&C dalam industri kayu-kayan akan terus diperkukuhkan ke arah peningkatan penghasilan produk baharu bernilai tambah tinggi bagi memenuhi keperluan pasaran melalui strategi-strategi berikut:

- i. Mempergiat aktiviti R&D&C ke arah peningkatan produktiviti;
- ii. Menjana inovasi dalam penciptaan produk-produk baharu yang mampu memenuhi permintaan *captive market* dan pasaran terkhusus;
- iii. Memperkukuh sinergi R&D&C di kalangan institusi penyelidikan, institusi pendidikan tinggi, agensi kerajaan dan industri ke arah peningkatan nilai tambah produk secara berterusan seperti *glulamined timber* (glulam) dan *Industrialised Building System* (IBS) berasaskan kayu di sektor pembinaan berkejuruteraan tinggi;
- iv. Menyediakan, meningkatkan dan mempromosikan insentif untuk menggalakkan pengkomersilan dan penyerapan teknologi baharu; dan
- v. Meningkatkan daya saing industri melalui peningkatan teknologi pemprosesan dan pengeluaran secara automasi dan mekanisasi.

Memperluas Pasaran dan Penjenamaan

Memperluas dan memperkukuh pasaran produk berasaskan kayu-kayan negara melalui strategi-strategi berikut:

- i. Menggalakkan peralihan industri daripada pembuatan berasaskan *Original Equipment Manufacturing* (OEM) kepada *Own Brand Manufacturing* (OBM) dan *Own Design Manufacturing* (ODM);
- ii. Mempergiat usaha penjenamaan produk-produk kayu-kayan Malaysia sebagai mampan dan mesra alam; dan

- iii. Meningkatkan permintaan produk keluaran negara melalui penawaran produk-produk baharu dan berinovasi di pasaran domestik, antarabangsa dan pasaran terkhusus.

Memudahcara Pembangunan Perusahaan Kecil dan Sederhana

Membantu PKS industri kayu-kayan dalam meningkatkan keupayaan dan daya saing melalui strategi-strategi berikut:

- i. Melaksanakan penarafan terhadap PKS berdasarkan keupayaan dan prestasi bagi merangka program pembangunan kapasiti yang sesuai;
- ii. Mengukuhkan keupayaan PKS melalui pembangunan kapasiti, termasuk dalam aspek penguasaan *soft skills* seperti pemasaran serta pengurusan perniagaan dan kewangan;
- iii. Meningkatkan akses dan kemudahan pembiayaan kepada PKS; dan
- iv. Menyediakan insentif untuk menggalakkan pertumbuhan PKS.

Menjana Potensi Sumber Pertumbuhan Baharu

Pengusaha hasilan bahan hutan yang berpotensi sebagai sumber pertumbuhan baharu akan dipergiat melalui strategi-strategi berikut:

- i. Menggalakkan peningkatan hasil hutan melalui perladangan secara komersil, termasuk karas, buluh dan rotan;
- ii. Memperkukuh R&D bagi penghasilan benih tanaman hutan yang cepat matang dan berhasil tinggi;
- iii. Membangunkan dan mempromosikan produk bernilai tinggi daripada bahan hutan bukan kayu;
- iv. Penghasilan teknologi untuk mengekstrak pati minyak gaharu dengan lebih cekap, pengurusan agronomik yang berkesan dan pembangunan produk berasaskan gaharu dan pati minyak gaharu; dan
- v. Mewujudkan mekanisme piawaian penggredan gaharu.

Meningkatkan Penyertaan Bumiputera

Penyertaan Bumiputera di semua peringkat rantai nilai akan terus dipertingkatkan melalui strategi-strategi berikut:

- i. Menggalakkan penglibatan usahawan Bumiputera dalam Kompleks Perkayuan Bersepadu;
- ii. Memacu pembangunan dan transformasi PKS Bumiputera dalam industri kayu seperti kraf dan ukiran yang bercirikan industri desa (*cottage industry*) kepada perusahaan yang berdaya saing di peringkat global;
- iii. Memperkukuh peranan Taman Industri Perabot dalam pembangunan PKS Bumiputera;
- iv. Mempertingkatkan syer Bumiputera dalam pengeksportan produk-produk berasaskan kayu bernilai tambah tinggi; dan
- v. Mempertingkatkan kerjasama di kalangan usahawan, khususnya dalam aspek perkongsian maklumat teknikal dan pasaran.

Membangun dan Memperkasa Modal Insan

Pembangunan modal insan dalam industri kayu-kayan akan dilaksanakan melalui strategi-strategi berikut:

- i. Meningkatkan penawaran tenaga kerja mahir bagi aktiviti pengurusan ladang hutan, pemprosesan dan pengilangan kayu berteknologi moden serta pengeluaran produk-produk biokomposit;
- ii. Memperkukuh kerjasama di antara Pusat Pembangunan Kemahiran Industri Kayu (*Wood Industry Skills Development Centre - WISDEC*) dan agensi Kerajaan lain, termasuk Kementerian Pelajaran Malaysia, serta pihak industri dalam penyediaan latihan dan peningkatan kemahiran teknikal;
- iii. Meningkatkan kualiti persekitaran kerja di industri kayu-kayan agar lebih kondusif bagi menarik minat lebih ramai tenaga kerja tempatan; dan
- iv. Mempergiat pembangunan tenaga kerja bukan teknikal meliputi latihan pemasaran, kewangan, komunikasi dan pengurusan.



BAB 6

Memperkokuh dan Mengembangkan Industri Koko

Memperkukuh Dan Mengembangkan Industri Koko

Industri koko negara telah mengalami transformasi di mana sektor pengisaran biji koko telah berkembang dengan pesat menjadikan Malaysia negara pengisar biji koko terbesar di Asia dan kelima terbesar di dunia. Aktiviti pengisaran koko kini merupakan peneraju utama dan penyumbang penting kepada keseluruhan nilai tambah industri koko di Malaysia.

Walaupun bagaimanapun, pertumbuhan pesat industri pengisaran koko tidak dapat diimbangi oleh kapasiti pengeluaran biji koko tempatan. Pengeluaran biji koko terjejas disebabkan pengurangan kawasan tanaman koko akibat persaingan guna tanah, termasuk dengan komoditi lain. Keadaan ini menyebabkan Malaysia terpaksa bergantung kepada bekalan biji koko yang diimport untuk memenuhi keperluan domestik.

Di peringkat hulu, cabaran utama industri koko adalah bagi meningkatkan pengeluaran biji koko melalui peningkatan produktiviti dan pengembangan kawasan tanaman koko. Di peringkat hiliran pula, di samping mengukuhkan sektor pengisaran, tumpuan juga diberi untuk meningkatkan pengeluaran produk berasaskan

koko yang bernilai tambah tinggi, termasuk menjadikan Malaysia sebagai *King of Chocolate* di Asia iaitu pusat pengeluar produk coklat utama di rantau Asia.

PROSPEK INDUSTRI KOKO, 2011-2020

Kawasan tanaman koko dianggarkan meningkat kepada 40,000 hektar menjelang tahun 2020, meliputi 20,000 hektar kawasan tanaman koko sedia ada dan 20,000 hektar kawasan tanaman baharu. Melalui usaha pengembangan di kawasan baharu dan pemulihan kawasan sedia ada, pengeluaran biji koko dianggarkan meningkat kepada 60,000 tan pada tahun 2020.

Permintaan terhadap produk berasaskan koko dijangka meningkat selaras dengan liberalisasi pasaran dan pertambahan penduduk dunia. Nilai eksport produk berasaskan koko negara dijangka meningkat pada kadar 3.6 peratus setahun dan mencapai RM6 bilion pada tahun 2020 berbanding RM4.2 bilion pada tahun 2010.

Jadual 6.1 :
Unjuran Industri Koko, 2011-2020

Perkara	Tahun			Pertumbuhan Tahunan (%)		
	2010	2015	2020	2011-2015	2016-2020	2011-2020
Keluasan Tanaman (Hektar)						
	20,070	30,000	40,000	8.4	5.9	7.1
Pekebun Kecil	18,770	27,500	37,500	7.9	6.4	7.2
Estet	1,300	2,500	2,500	14.0	0.0	6.8
Pengeluaran (Ribu Tan)						
	16	33	60	15.6	12.7	14.1
Produktiviti (Tan / Hektar)						
	1.2	1.2	1.5	0.0	4.6	2.3
Hasil Eksport (RM bilion)						
	4.2	4.9	6	3.1	4.1	3.6

Sumber : Lembaga Koko Malaysia

STRATEGI INDUSTRI KOKO, 2011-2020

Pembangunan industri koko di Malaysia akan memberi tumpuan kepada usaha pengembangan kawasan baharu dan pengekaln kawasan koko sedia ada. Di samping itu, tumpuan juga diberi kepada pembangunan mampan industri hiliran koko tempatan, termasuk pengilangan produk akhir koko, terutamanya coklat dan konfeksi coklat. Teras strategik bagi memperkukuh dan mengembangkan industri koko adalah seperti berikut:

- Meningkatkan produktiviti dan daya saing pengeluaran biji koko dan produk-produk berasaskan koko;
- Meningkatkan kesedaran awam mengenai penanaman koko;
- Memperkukuh program penyelidikan, pembangunan dan pengkomersilan (R&D&C);
- Memperkukuh rangkaian industri hiliran dan industri sokongan;
- Menggalakkan penglibatan usahawan perusahaan kecil dan sederhana (PKS) dalam pemprosesan dan pengeluaran produk berasaskan koko;
- Meningkatkan daya saing dan syer pasaran produk berasaskan koko;
- Mengukuhkan kerangka institusi sokongan dan perkhidmatan pengembangan; dan
- Memperkasa modal insan.

Meningkatkan Produktiviti dan Daya Saing Pengeluaran Biji Koko dan Produk-produk Berasaskan Koko

Usaha bagi meningkatkan produktiviti dan daya saing pengeluaran koko dilaksanakan melalui strategi-strategi berikut:

- i. Melaksanakan program pemulihan bagi kawasan tanaman koko yang kurang produktif;
- ii. Menambah kawasan tanaman baharu;

- iii. Menggalakkan penanaman koko sebagai tanaman kedua di kawasan tanaman lain yang bersesuaian;
- iv. Menggalakkan pengeluaran bahan tanaman koko yang berkualiti tinggi;
- v. Menambahbaik kemudahan infrastruktur bagi memudahkan perhubungan ke kawasan ladang, terutamanya di kawasan terpencil;
- vi. Menggalakkan penglibatan kelompok-kelompok tani (*cluster farming*) dalam aktiviti-aktiviti penanaman, pemprosesan dan pemasaran koko melalui program pemindahan teknologi; dan
- vii. Memperkukuhkan program pemantauan kualiti bagi menjamin kualiti biji koko kering memenuhi standard yang telah ditetapkan.

Meningkatkan Kesedaran Awam Mengenai Penanaman Koko

Langkah bagi menggalakkan penanaman koko di kalangan masyarakat luar bandar melalui strategi-strategi berikut:

- i. Menganjurkan kempen promosi mengenai penanaman koko melalui media cetak dan elektronik, road show, seminar, bengkel dan kursus kepada kumpulan sasaran;
- ii. Menjalinkan kerjasama dengan Kementerian dan Jabatan berkaitan untuk menggalakkan penanaman koko;
- iii. Melaksanakan program seperti "Koko Untuk Rakyat" untuk menggalakkan penanaman koko di persekitaran kawasan rumah, persekitaran sekolah dan premis-premis lain; dan
- iv. Menggalakkan penanaman koko sebagai tanaman integrasi bersama tanaman ekonomi lain bagi meningkatkan pendapatan petani.

Memperkukuh Program Penyelidikan dan Pembangunan dan Pengkomersilan

Pembangunan industri koko akan disokong dengan aktiviti R&D&C melalui strategi-strategi berikut:

- i. Mempergiat aktiviti R&D dengan tumpuan kepada penghasilan bahan tanaman berhasil tinggi dan berdaya tahan serangan serangga dan penyakit;
- ii. Memperkukuh teknologi pemprosesan dan pengilangan produk berasaskan koko;
- iii. Membangunkan dan mengkomersilkan produk akhir koko meliputi produk makanan dan bukan makanan; dan
- iv. Menggalakkan penghasilan produk berasaskan koko yang berinovasi dan bermutu tinggi melalui jaringan dan perkongsian pintar dengan institusi dalam dan luar negara.

Memperkukuh Industri Hiliran dan Rangkaian Industri Sokongan

Pengukuhan pertumbuhan industri hiliran dan rangkaian industri sokongan yang berterusan akan dilaksanakan melalui strategi-strategi berikut:

- i. Meningkatkan daya saing industri hiliran koko melalui penerokaan teknologi, peningkatan kualiti dan kepelbagaian produk;
- ii. Memudahcara urusan pembekalan bahan mentah;
- iii. Membangunkan Malaysia sebagai pengeluar dan pembekal utama coklat dan konfeksi, di samping mempromosikan Malaysia sebagai *King of Chocolate* di rantau Asia; dan
- iv. Memperkukuh rangkaian industri sokongan, termasuk meningkatkan usahasama dalam program-program latihan keusahawanan

Menggalakkan Penglibatan Usahawan Perusahaan Kecil dan Sederhana Dalam Pemprosesan dan Pengeluaran Produk Berasaskan Koko

Usaha bagi meningkatkan penglibatan PKS dalam aktiviti hiliran koko dipergiat melalui strategi-strategi berikut:

- i. Mewujudkan dan membangunkan kluster industri koko dengan tumpuan kepada produk terkhusus serta mempelbagai produk-produk bernilai tambah berasaskan koko;
- ii. Mewujudkan pusat pembangunan usahawan koko sebagai pemangkin kepada peningkatan bilangan usahawan koko;
- iii. Membantu PKS menghasilkan produk-produk hiliran terkhusus untuk pasaran eksport melalui peningkatan keupayaan usahawan koko; dan
- iv. Menggalakkan PKS untuk mempelbagai produk dalam industri melalui penyertaan dalam program dan aktiviti Industri Desa serta Agro Pelancongan.

Meningkatkan Daya Saing dan Syer Pasaran Produk Berasaskan Koko

Bagi meningkatkan daya saing dan syer pasaran produk-produk koko, usaha untuk memperkukuh pasaran sedia ada dan meneroka pasaran-pasaran baharu akan dilaksanakan melalui strategi-strategi berikut:

- i. Menjalankan aktiviti-aktiviti promosi dagang yang berterusan di peringkat domestik dan antarabangsa;
- ii. Memperkukuh risikan pasaran bagi merangka strategi pasaran serta bertindak balas terhadap persekitaran pasaran yang dinamik; dan
- iii. Menganjurkan kempen-kempen promosi untuk meningkatkan penggunaan koko.

Mengukuhkan Kerangka Institusi Sokongan dan Pengembangan

Keberkesanan fungsi institusi sokongan dan pengembangan dipertingkat melalui strategi-strategi berikut:

- i. Mengukuhkan kerjasama di kalangan agensi pelaksana;
- ii. Menambah bilangan kakitangan institusi sokongan dengan mensasarkan nisbah agen pengembangan kepada nisbah 1 pegawai kepada 100 orang petani;
- iii. Mewujudkan mekanisme sokongan yang bersesuaian bagi pekebun kecil; dan
- iv. Mengukuhkan peranan koperasi sebagai pemangkin pembangunan industri koko di kalangan pekebun kecil.

Memperkasakan Modal Insan

Pembangunan modal insan industri koko akan dilaksanakan melalui strategi-strategi berikut:

- i. Meningkatkan kerjasama dengan institusi latihan tempatan dan luar negara bagi memberi latihan kepada tenaga kerja terutamanya bagi industri hiliran; dan
- ii. Meningkatkan jaringan kerjasama dengan institusi penyelidikan dalam dan luar negara bagi meningkatkan kepakaran penyelidik tempatan dalam bidang-bidang pengkhususan yang diperlukan.



BAB 7

Memperkukuh dan Mengembangkan Industri Lada

Memperkukuh Dan Mengembangkan Industri Lada

Malaysia adalah pengeluar lada keenam terbesar dunia. Sumbangan industri lada kepada ekonomi negara dalam tahun 2010 dianggarkan RM549.3 juta. Ini adalah hasil daripada pendapatan eksport lada (RM199.3 juta) dan juga aktiviti tambah nilai dalam negara, terutamanya oleh sektor pemprosesan makanan yang dianggarkan sebanyak RM350 juta. Destinasi utama eksport lada Malaysia ialah ke negara Jepun, China, Taiwan, Eropah Barat dan Korea Selatan.

Pengeluaran lada dunia pada tahun 2010 dianggarkan sebanyak 316 juta tan dengan permintaan sebanyak 369 juta tan. Keluasan tanaman lada di Malaysia adalah 14,174 hektar dengan pengeluaran sebanyak 24,227 tan. Sarawak merupakan negeri yang mengeluarkan sebanyak 99 peratus lada negara dan sebahagian besar tanaman lada diusahakan oleh pekebun kecil. Di Semenanjung Malaysia pula, tanaman lada diusahakan secara komersil oleh pekebun kecil dan syarikat swasta.

PROSPEK INDUSTRI LADA, 2011-2020

Pasaran lada di peringkat antarabangsa diramalkan meningkat berikutan perkembangan yang pesat dalam industri pemprosesan makanan terutamanya negara yang pesat membangun seperti India dan China. Harga lada dianggarkan terus kukuh di antara RM16,000 hingga RM24,000 se tan

dalam jangka masa sederhana dan ini akan membolehkan pengusaha lada meraih pendapatan yang lebih tinggi serta menikmati taraf kehidupan yang lebih baik.

Berdasarkan laporan *International Pepper Community* (IPC) pada tahun 2010, penggunaan lada dunia dijangka meningkat antara 3 hingga 6 peratus setahun. Permintaan lada oleh negara yang mempunyai populasi yang tinggi seperti China dan India akan terus meningkat selaras dengan peningkatan taraf hidup. Penggunaan lada di pasaran tempatan dijangka meningkat hampir tiga kali ganda dari 7,069 tan pada tahun 2010 kepada 19,000 tan menjelang tahun 2020.

Pembangunan produk tambah nilai lada untuk mempelbagaikan kegunaan lada akan menjurus ke arah peningkatan pulangan hasil. Permintaan ke atas produk tambah nilai yang dihasilkan seperti lada yang disteril, lada serbuk dan lada putih krim mendapat sambutan dan mempunyai pasaran terkhusus terutamanya di negara-negara maju seperti Eropah, Jepun dan Korea Selatan.

Kawasan tanaman lada pada tahun 2010 adalah seluas 14,174 hektar dan dijangka mencapai 20,110 hektar menjelang tahun 2020. Keluasan ini akan menghasilkan pengeluaran 42,000 tan metrik setahun dengan nilai eksport sebanyak RM650 juta pada tahun 2020.

Jadual 7.1:
Unjuran Industri Lada, 2011-2020

Perkara	Tahun			Pertumbuhan Tahunan (%)		
	2010	2015	2020	2011-2015	2016-2020	2011-2020
Keluasan (hektar)	14,174	17,008	20,110	3.7	3.4	3.6
Pengeluaran (tan)	24,227	31,000	42,000	5.1	6.3	5.7
Pengeluaran lada tambah nilai di peringkat ladang (tan)	4,500	8,000	12,000	12.2	8.4	10.3
Produktiviti (kg/tan)	4,400	5,400	6,000	4.2	2.1	3.2
Eksport						
Kuantiti (tan)	14,030	23,500	29,500	10.9	4.7	7.7
Nilai (RM juta)	199.3	400	650	15.0	10.2	12.5
Penggunaan Dalam Negeri (tan)	7,069	12,800	19,000	12.6	8.2	10.4

Sumber: Lembaga Lada Malaysia

STRATEGI PEMBANGUNAN INDUSTRI LADA, 2011-2020

Pembangunan industri lada akan menumpukan kepada teras-teras strategik berikut:

- Meningkatkan pengeluaran dan daya saing pengeluaran lada;
- Memperkukuh aktiviti penyelidikan dan pembangunan (R&D);
- Mengukuhkan pendapatan pekebun kecil;
- Memperluas pasaran; dan
- Memperkasa modal insan.

Meningkatkan Pengeluaran dan Daya Saing Pengeluaran Lada

Produktiviti dan pengeluaran lada akan dipertingkatkan melalui strategi-strategi berikut:

- Meningkatkan produktiviti kawasan tanaman lada sedia ada melalui program pemulihan dan peluasan tanaman baharu;
- Menubuhkan ladang peneraju yang akan menjadi nukleus kepada kebun-kebun lada di sekitarnya bagi memudahkan aktiviti pemindahan teknologi, pengembangan dan peningkatan produktiviti;

- iii. Menggalakkan pengeluaran bahan tanaman berkualiti tinggi;
- iv. Meningkatkan kemudahan infrastruktur bagi memudahkan perhubungan ke kawasan ladang, terutama di kawasan terpencil; dan
- v. Mewujudkan *Code of Practices* (CoP) khusus bagi penanaman dan penghasilan lada.

Memperkukuh Aktiviti Penyelidikan dan Pembangunan

Program R&D akan terus diperkukuh melalui strategi-strategi berikut:

- i. Mempergiat penghasilan bahan tanaman berhasil tinggi dan berdaya tahan serangan serangga dan penyakit;
- ii. Menggalakkan inovasi dalam sistem tanaman lada;
- iii. Menambah baik pengurusan dan pengawalan bagi penyakit dan perosak tanaman;
- iv. Meningkatkan kualiti lada bagi memenuhi piawaian keselamatan makanan;
- v. Mempelbagai penggunaan lada; dan
- vi. Menerajui industri dalam membangunkan sistem pemprosesan dan pengilangan yang moden.

Mengukuhkan Pendapatan Pekebun Kecil

Meningkatkan pendapatan pekebun kecil lada melalui strategi-strategi berikut:

- i. Memperluas dan mempergiat program sokongan pasaran domestik seperti Skim Penyimpanan dan Pemilikan Lada (SPPL) di kalangan pekebun kecil;
- ii. Menggalakkan integrasi lada dengan tanaman lain yang sesuai / mempelbagai aktiviti ekonomi pekebun lada;
- iii. Mempergiat pemindahan teknologi dan perkhidmatan pengembangan kepada pekebun kecil bagi meningkatkan produktiviti, kualiti dan pengeluaran lada tambah nilai di peringkat ladang; dan
- iv. Menyusun semula pengurusan pekebun kecil secara berkelompok dan menggalakkan penubuhan koperasi bagi meningkatkan daya saing.

Memperluas Pasaran

Memperkukuh dan memperluas pasaran melalui strategi-strategi berikut:

- i. Meningkatkan sumbangan industri lada melalui pengukuhan pasaran sedia ada dan penerokaan pasaran baharu;
- ii. Bekerjasama dengan sektor swasta bagi memperkukuh pengeluaran produk-produk makanan berasaskan lada;
- iii. Memperkukuh dan menambahbaik sistem pensijilan, penjenamaan, pembungkusan dan perlabelan lada Malaysia untuk mempromosi lada Malaysia berkualiti tinggi dan mesra alam; dan
- iv. Mempelbagai produk-produk dan penggunaan lada.

Memperkasakan Modal Insan

Melahirkan modal insan yang berpengetahuan dan berkemahiran dalam industri lada melalui pelaksanaan strategi-strategi berikut:

- i. Meningkatkan keupayaan memberi perkhidmatan teknikal dan pengurusan melalui Institut Perladangan dan Komoditi Malaysia (IMPAC); dan
- ii. Membangun keupayaan usahawan lada melalui latihan kemahiran keusahawanan dan pengurusan perniagaan.



BAB 8

Merasionalisasi Industri Tembakau

Merasionalisasi Industri Tembakau

Sejak tahun 1960-an lagi, tembakau merupakan tanaman sosio-ekonomi dan sumber pendapatan yang penting bagi sebahagian penduduk luar bandar, terutamanya di Kelantan, Terengganu, Kedah dan Perlis. Perkembangan senario perdagangan antarabangsa dan peningkatan keprihatinan masyarakat tentang kesihatan awam menyebabkan perubahan struktur industri tembakau Malaysia dari tahun 1998 hingga 2010. Keperluan untuk menstrukturkan semula industri tembakau adalah selaras dengan pelaksanaan liberalisasi pasaran di bawah Kawasan Perdagangan Bebas ASEAN (ASEAN *Free Trade Agreement* - AFTA) dan komitmen Kerajaan terhadap *Framework Convention on Tobacco Control* (FCTC).

PROSPEK INDUSTRI TEMBAKAU, 2011-2020

Kerajaan telah melaksanakan Rancangan Penstrukturan Semula Industri Tembakau (RPSIT) bagi tempoh 1998-2010 yang memberi fokus kepada peningkatan produktiviti dan pengurangan kos pengeluaran tembakau bagi memperkukuhkan daya saing para pengusaha tembakau. Di samping itu, kerajaan akan meneruskan usaha peralihan penanam tembakau yang kurang berdaya saing kepada aktiviti ekonomi alternatif, termasuk kenaf dan tanaman integrasi.

Jumlah pengeluaran tembakau pada tahun 2010 ialah sebanyak 3.1 juta kilogram dan dijangka meningkat kepada 5.3 juta kilogram pada tahun 2020. Sasaran pengeluaran berkenaan akan diperolehi melalui peningkatan produktiviti tembakau daripada purata 1,089 kilogram sehektar kepada 1,750 kilogram sehektar pada tahun 2020.

Jadual 8.1:
Unjuran Industri Tembakau, 2011-2020

Perkara	Tahun			Pertumbuhan Tahunan (%)		
	2010	2015	2020	2011-2015	2016-2020	2011-2020
Keluasan Tanaman (Hektar)	2,885	3,500	3,000	3.9	-3.0	0.4
Bilangan Pengusaha	3,377	2,400	2,000	-6.6	-3.6	-5.1
Pengeluaran (Juta kilogram)	3.14	5.00	5.25	9.8	1.0	5.3
Produktiviti (Kilogram/Hektar)	1,089	1,450	1,750	5.9	3.8	4.9

Sumber : Lembaga Kenaf dan Tembakau Negara

STRATEGI INDUSTRI TEMBAKAU, 2011-2020

Teras strategik untuk merasionalisasikan industri tembakau adalah seperti berikut:

- Meningkatkan daya saing pengeluaran tembakau;
- Memantapkan usaha penguatkuasaan kawalan tembakau dan produk tembakau;
- Mempelbagai kegunaan tembakau melalui aktiviti penyelidikan dan pembangunan (R&D); dan
- Menggalakkan pengusaha tembakau yang kurang berdaya saing beralih kepada aktiviti ekonomi lain.

Meningkatkan Daya Saing Pengeluaran Tembakau

Tumpuan akan diberi bagi mengekalkan pengusaha yang berdaya saing melalui strategi-strategi berikut:

- i. Meningkatkan penggunaan teknologi pengeluaran dan pemprosesan tembakau serta penerapan *Good Agricultural Practices* (GAP);
- ii. Meningkatkan kecekapan di peringkat hulu melalui pengurusan ladang secara berkelompok dan moden;
- iii. Meningkatkan kemudahan infrastruktur, terutamanya saluran dan pengairan; dan
- iv. Memperkukuh rangkaian industri di antara pengilang dan pengusaha tembakau.

Memantapkan Usaha Penguatkuasaan Kawalan Tembakau dan Produk Tembakau

Strategi-strategi bagi meningkatkan kawal selia industri tembakau adalah seperti berikut:

- i. Menguatkuasakan undang-undang dan peraturan kawalan tembakau dan produk tembakau secara lebih teratur; dan

- ii. Mempertingkat kerjasama di kalangan agensi-agensi penguatkuasa sebagai usaha mengurangkan penyeludupan tembakau dan produk tembakau.

Mempelbagai Kegunaan Tembakau Melalui Aktiviti Penyelidikan dan Pembangunan

Aktiviti R&D akan diperkukuhkan untuk mempelbagaikan kegunaan tembakau, termasuk menghasilkan produk farmaseutikal dan kawalan serangga.

Menggalakkan Pengusaha Tembakau Yang Kurang Berdaya Saing Beralih Kepada Aktiviti Ekonomi Lain

Membantu pengusaha tembakau yang kurang berdaya saing beralih kepada tanaman atau aktiviti ekonomi alternatif melalui strategi-strategi berikut:

- i. Menyediakan insentif dan khidmat sokongan;
- ii. Membangunkan kemudahan infrastruktur dan logistik, termasuk pusat pengumpulan dan pemasaran; dan
- iii. Memudah cara proses peralihan golongan sasar yang terlibat dengan aktiviti ekonomi alternatif melalui kerjasama dengan agensi lain yang berkaitan.



BAB 9

Memacu Pertumbuhan Industri Kenaf

Memacu Pertumbuhan Industri Kenaf

Keprihatinan masyarakat antarabangsa terhadap produk semulajadi yang mampan dan mesra alam adalah antara faktor yang mendorong usaha penanaman kenaf. Tanaman kenaf diperkenalkan sebagai tanaman percubaan pada tahun 2004 dan pada tahun 2010, hampir 1,700 hektar kawasan tanaman kenaf telah diusahakan di negeri Kelantan, Terengganu dan Pahang. Kenaf digunakan sebagai bahan mentah bagi pengeluaran produk seperti bahan binaan, komponen automotif dan tekstil.

PROSPEK INDUSTRI KENAF, 2011-2020

Jumlah pengeluaran kenaf dalam negara pada tahun 2010 ialah sebanyak 2,463 tan dan ia dijangka meningkat kepada 150,000 tan pada tahun 2020. Sasaran pengeluaran kenaf akan diperolehi melalui peningkatan keluasan tanaman dan kadar produktiviti. Kawasan penanaman kenaf akan diperluas ke negeri Perlis, Kedah, Perak dan Johor.

Jadual 9.1:
Unjuran Pengeluaran Kenaf, 2011-2020

Perkara	Tahun			Pertumbuhan Tahunan (%)		
	2010	2015	2020	2011-2015	2016- 2020	2011- 2020
Keluasan Tanaman Berhasil (hektar)	778	5,000	10,000	45.1	14.9	29.1
Bilangan Penanam Pekebun Kecil	409	500	1,000	4.1	14.9	9.4
Bilangan Penanam Skala Besar	0	60	120	TIADA*	14.9	TIADA*
Pengeluaran (ribu tan) - Batang Kering	2.46	50.00	150.00	82.6	24.6	50.8
Produktiviti batang kering (tan sehektar)	3	10	15	27.2	8.4	17.5

Catatan :

Satu (1) tan batang kering kenaf mengeluarkan 0.25 tan serat dan 0.65 tan empulur.

* Data bagi Bilangan Penanam Skala Besar tidak dapat diukur kerana tiada rekod rujukan bagi tahun 2010

Sumber :Lembaga Kenaf dan Tembakau Negara

STRATEGI INDUSTRI KENAF, 2011-2020

Teras strategik bagi memacu pertumbuhan industri kenaf adalah seperti berikut:

- Meningkatkan produktiviti dan pengeluaran kenaf;
- Mempergiat penyelidikan, pembangunan dan pengkomersilan (R&D&C);
- Menggalakkan pengeluaran kenaf secara komersil;
- Meningkatkan pembangunan industri hiliran;
- Mempromosi penggunaan kenaf dan produk kenaf; dan
- Membangunkan modal insan.

Meningkatkan Produktiviti dan Pengeluaran Kenaf

Kenaf merupakan tanaman jangka pendek yang memerlukan pengurusan benih yang cekap dan sistematik. Strategi-strategi bagi meningkatkan produktiviti dan pengeluaran kenaf adalah seperti berikut:

- i. Mengeluarkan benih kenaf yang berkualiti tinggi;
- ii. Membangunkan sistem dan teknologi yang cekap bagi pengendalian serta penyimpanan biji benih secara berkesan;
- iii. Memperkukuh kaedah penanaman dan pemprosesan kenaf melalui pelaksanaan *Good Agriculture Practices* (GAP) dan *Good Manufacturing Practices* (GMP); dan
- iv. Mempergiat program pengembangan, termasuk pemindahan teknologi kepada golongan sasar.

Mempergiat Penyelidikan, Pembangunan dan Pengkomersilan

Aktiviti R&D&C untuk meningkatkan daya saing industri kenaf akan dipergiat melalui strategi-strategi berikut:

- i. Membangunkan teknologi penuaian dan pengendalian lepas tuai kenaf yang berkos rendah dengan tumpuan kepada penjimatan tenaga buruh;
- ii. Membangunkan teknologi pengasingan berkesan bagi menghasilkan serat dan empulur kenaf yang berkualiti dan bernilai tinggi;
- iii. Membangunkan dan mempelbagai produk bernilai tambah tinggi berasaskan kenaf, termasuk mengenalpasti dan mempromosikan penggunaan serat kenaf sebagai bahan alternatif dalam produk yang berkaitan; dan
- iv. Menggalakkan jalinan kerjasama dengan institusi penyelidikan, institusi pengajian tinggi dan pihak industri dalam pelaksanaan R&D&C bagi menghasilkan produk berasaskan kenaf yang bernilai tambah tinggi.

Menggalakkan Pengeluaran Kenaf Secara Komersil

Menggalakkan pelaburan swasta dalam pengeluaran kenaf secara komersil di samping meningkatkan penyertaan pekebun kecil melalui strategi-strategi berikut:

- i. Menyediakan insentif bagi menggalakkan pelaburan sektor swasta dalam menghasilkan kenaf secara komersil;
- ii. Memudah cara usahasama swasta dengan Kerajaan Negeri untuk meluaskan kawasan penanaman kenaf di seluruh negara;
- iii. Menggalakkan pembangunan ladang berkelompok bagi mewujudkan penanaman kenaf yang berskala besar dan berkos rendah; dan
- iv. Menggalakkan perkongsian pintar di antara pihak pengeluaran dan industri hiliran.

Meningkatkan Pembangunan Industri Hiliran

Meningkatkan aktiviti pemprosesan kenaf bagi menghasilkan produk kenaf bernilai tambah tinggi melalui strategi-strategi berikut:

- i. Membangunkan industri pemprosesan kenaf secara bersepadu melalui penubuhan *Integrated Kenaf Park*;
 - ii. Menggalakkan penggunaan teknologi pemprosesan moden yang lebih cekap dan berkesan;
 - iii. Mempelbagai pengeluaran produk berasaskan kenaf bernilai tinggi bagi industri automotif, pembinaan, keselamatan, aeronautik, tekstil, perabot dan farmaseutikal; dan
 - iv. Menyediakan insentif yang bersesuaian bagi menggalakkan pelaburan swasta dalam pemprosesan serat kenaf.
- ii. Meneroka pasaran baharu dan mewujudkan aktiviti risikan di peringkat domestik dan antarabangsa bagi produk berasaskan kenaf dan serat semula jadi; dan
 - iii. Membangunkan penjenamaan produk berasaskan kenaf yang mampan dan mesra alam.

Membangunkan Modal Insan

Usaha-usaha pembangunan modal insan yang terlatih dan berkemahiran dilaksanakan melalui kerjasama di kalangan agensi-agensi latihan bagi menyokong program pengembangan industri kenaf.

Mempromosi Penggunaan Kenaf dan Produk Kenaf

Strategi-strategi bagi mempromosi penggunaan kenaf dan produk berasaskan kenaf adalah seperti berikut:

- i. Membangunkan sistem penggredan kenaf yang komprehensif bagi menjamin kualiti kenaf yang dihasilkan;





BAB 10

Mengeksploitasi Potensi Industri Sagu

Mengeksploitasi Potensi Industri Sagu

Sagu adalah sejenis palma yang mengandung kanji yang boleh digunakan bagi pelbagai aplikasi, termasuk untuk tujuan makanan, farmaseutikal dan kanji terubah suai (*modified starch*) bagi kegunaan industri. Tanaman sagu dunia dianggarkan seluas 2.5 juta hektar di mana 92 peratus terletak di Indonesia dan Papua New Guinea. Keluasan tanaman sagu di Malaysia adalah 62 ribu hektar iaitu 2.5 peratus dari keluasan tanaman sagu dunia. Pada masa kini, industri sagu tempatan yang diusahakan secara tradisional dan berskala kecil serta tertumpu di Sarawak.

Malaysia mengeluarkan sagu sebanyak 190,000 tan dan merupakan pengeksport terbesar sagu dunia dengan jumlah eksport 25,000 tan pada tahun 2010. Destinasi utama eksport ialah ASEAN, Jepun, Taiwan dan Australia. Walau bagaimanapun, ia hanya merupakan 0.05 peratus daripada permintaan kanji dunia. Sumber-sumber lain untuk kanji adalah jagung, ubi kayu, ubi kentang, keledak, gandum, beras dan kekacang.

PROSPEK INDUSTRI SAGU, 2011-2020

Permintaan kanji dunia dijangka berkembang pada kadar 7.7 peratus atau 3.85 juta tan setahun. Pada tahun 2020, keluasan tanaman sagu di Malaysia disasar meningkat kepada 250 ribu hektar dengan pengeluaran sebanyak 2.4 juta tan. Harga kanji sagu yang lebih kompetitif dan konsisten berbanding harga kanji dari sumber lain menjadikan sagu sebagai satu sumber alternatif yang berdaya maju dalam penghasilan kanji. Trend permintaan kanji dunia yang meningkat mewujudkan peluang bagi Malaysia memajukan industri sagu pada skala yang lebih besar.

STRATEGI INDUSTRI SAGU, 2011-2020

Teras strategik bagi membangunkan sugu sebagai sumber pertumbuhan baharu yang berdaya saing adalah seperti berikut:

- Menyediakan kemudahan infrastruktur dan khidmat pengembangan;
- Meningkatkan aktiviti pengeluaran sugu secara komersil;
- Memperkukuh penyelidikan dan pembangunan (R&D) bagi meningkatkan produktiviti dan membangunkan produk berasaskan sugu;
- Mengembangkan aktiviti pemprosesan produk berasaskan sugu di peringkat hiliran;
- Memperkukuh pasaran produk bernilai tinggi; dan
- Membangunkan dan memperkasa modal insan.

Menyediakan Infrastruktur dan Khidmat Pengembangan

Strategi-strategi bagi membantu pengusaha dan pekebun kecil sugu adalah seperti berikut:

- i. Menyediakan infrastruktur pertanian meliputi jalan ladang, perparitan dan pusat pengumpulan bagi memudahkan akses dan pengangkutan keluar hasil sugu dari ladang ke pusat pemprosesan; dan
- ii. Mempertingkatkan keberkesanan aktiviti khidmat nasihat meliputi aspek agronomi dan pengurusan ladang.

Meningkatkan Aktiviti Pengeluaran Sugu Secara Komersil

Aktiviti pengeluaran sugu secara komersil akan dipertingkatkan melalui strategi-strategi berikut:

- i. Memantapkan program penyatuan ladang sugu milik pekebun kecil secara berpusat bagi meningkatkan kecekapan pengurusan,

pengeluaran dan pengendalian lepas tuai;

- ii. Menggalakkan penggunaan klon sugu bermutu dan cepat matang;
- iii. Menggalakkan mekanisasi bagi aktiviti penebangan, pengumpulan dan pengangkutan batang sugu ke kilang; dan
- iv. Mewujudkan *Code of Practices* (CoP) khusus bagi penanaman sugu.

Memperkukuh Penyelidikan dan Pembangunan Bagi Meningkatkan Produktiviti dan Pembangunan Produk Berasaskan Sugu

Tumpuan R&D akan diberi keutamaan dalam meningkatkan produktiviti dan pembangunan produk sugu bernilai tinggi melalui strategi-strategi berikut:

- i. Menghasilkan klon sugu berhasil tinggi dan cepat matang dengan jumlah yang mencukupi untuk memenuhi keperluan industri secara komersil;
- ii. Membangunkan teknologi penuaian yang lebih berkesan;
- iii. Mempertingkatkan teknologi pemprosesan kanji yang lebih berkesan bagi menghasilkan kanji sugu bergred premium;
- iv. Mengoptimumkan dan mempelbagai penggunaan biojisim sugu, termasuk penghasilan bahan pembakar etanol dan bahan makanan haiwan;
- v. Meningkatkan kerjasama di kalangan agensi penyelidikan untuk meningkatkan teknologi baharu dan sedia ada; dan
- vi. Meningkatkan penyelidikan bagi mempelbagai kegunaan sugu, termasuk produk makanan, nutraseutikal dan farmaseutikal.

Mengembangkan Aktiviti Pemprosesan Produk Berasaskan Sagu di Peringkat Hiliran

Bagi mengembangkan aktiviti pemprosesan produk hiliran, strategi-strategi yang akan dilaksanakan adalah seperti berikut:

- i. Memperluas penggunaan sagu dalam industri makanan berasaskan kanji seperti glukosa (bahan pemanis), karamel (pewarna dan perasa), *monosodium glutamate* (perisa), *maltodextrin*, *maltosa* dan *fruktosa* serta industri bukan makanan seperti penghasilan pelekat (*adhesive*); dan
- ii. Mengembangkan penggunaan biojisim sagu untuk kegunaan bio bahan api (etanol).

Memperkukuh Pasaran Produk Bernilai Tinggi

Strategi-strategi yang telah dikenal pasti untuk mengukuhkan pasaran produk bernilai tinggi adalah seperti berikut:

- i. Meningkatkan pendapatan eksport melalui pengukuhan pasaran sedia ada dan penerokaan pasaran baharu;

- ii. Membangunkan sistem penggredan, kaedah ujian akreditasi dan piawaian antarabangsa bagi kanji berasaskan sagu untuk memperoleh harga pasaran yang setanding dengan sumber kanji lain; dan

- iii. Mempromosi sagu sebagai produk makanan berkhasiat dan produk bukan makanan.

Membangunkan dan Memperkasa Modal Insan

Usaha-usaha pembangunan modal insan yang terlatih dan berkemahiran dilaksanakan melalui kerjasama dengan agensi-agensi latihan bagi menyokong program pengembangan industri sagu.

SINGKATAN

SINGKATAN

AFTA	-	<i>ASEAN Free Trade Agreement</i>
CoP	-	<i>Code of Practices</i>
CPO	-	<i>Crude Palm Oil</i>
DPN	-	Dasar Pertanian Negara
EPP	-	<i>Entry Point Project</i>
ETP	-	<i>Economic Transformation Programme</i>
FCTC	-	<i>Framework Convention on Tobacco Control</i>
FFB	-	<i>Fresh Fruit Brunch</i>
FOB	-	<i>Free on Board</i>
FTA	-	<i>Free Trade Agreement</i>
GAP	-	<i>Good Agricultural Practice</i>
Glulam	-	<i>Glulamined timber</i>
GMP	-	<i>Good Manufacturing Practice</i>
GNI	-	<i>Gross National Income</i>
GTP	-	<i>Government Transformation Programme</i>
IBS	-	<i>Industrialised Building System</i>
IMPAC	-	<i>Institute of Malaysia Plantation and Commodities</i>
IPC	-	<i>International Pepper Community</i>
ISCC	-	<i>International Sustainability and Carbon Certification</i>
ITC	-	<i>Integrated Timber Complex</i>
KDNK	-	Keluaran Dalam Negara Kasar
LCA	-	<i>Life Cycle Analysis</i>
MEB	-	Model Ekonomi Baru
MPOB	-	<i>Malaysian Palm Oil Board</i>

NATIP	-	<i>National Timber Policy</i>
NKEA	-	<i>National Key Economic Area</i>
OBM	-	<i>Own Brand Manufacturing</i>
ODM	-	<i>Own Design Manufactruing</i>
OEM	-	<i>Original Equipment Manufacturing</i>
OER	-	<i>Oil Extraction Rate</i>
PKS	-	Perusahaan Kecil dan Sederhana
POIC	-	<i>Palm Oil Industrial Cluster</i>
R&D	-	<i>Research and Development</i>
R&D&C	-	<i>Research, Development and Commercialisation</i>
RPSIT	-	Rancangan Penstrukturan Semula Industri Tembakau
RSB	-	<i>Roundtable on Sustainable Biofuel</i>
RSPO	-	<i>Roundtable on Sustainable Palm Oil</i>
SFM	-	<i>Sustainable Forest Management</i>
SMR	-	<i>Standard of Malaysian Rubber</i>
SPPL	-	Skim Penyimpanan dan Pemilikan Lada
TIP	-	Taman Industri Perabot
WISDEC	-	<i>Wood Industry Skills Development Centre</i>



DICETAK OLEH
PERCETAKAN NASIONAL MALAYSIA BERHAD
KUALA LUMPUR, 2012
www.printnasional.com.my
email: cservice@printnasional.com.my
Tel.: 03-92366895 Faks: 03-92224773



Ringkasan Eksekutif
**DASAR
KOMODITI NEGARA**
2011-2020



KEMENTERIAN PERUSAHAAN PERLADANGAN DAN KOMODITI
No. 15, Aras 6-13, Persiaran Perdana Presint 2,
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan,
62654 Putrajaya, Malaysia
Tel: +603 8880 3300 Fax: +603 88803441



KEMENTERIAN PERUSAHAAN PERLADANGAN DAN KOMODITI



Ringkasan Eksekutif

DASAR
KOMODITI NEGARA
2011-2020



KEMENTERIAN PERUSAHAAN PERLADANGAN DAN KOMODITI

ISBN 978-983-43527-5-2



No. ISBN 978-983-43527-5-2

HAK CIPTA TERPELIHARA 2012

Untuk maklumat lanjut, sila hubungi:

Bahagian Perancangan Strategik dan Antarabangsa
Kementerian Perusahaan Perladangan dan Komoditi
Aras 7, Persiaran Perdana Presint 2,
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62654 Putrajaya

Tel. : 03-8880 3300
Faks : 03-8880 3441
Emel : psa@kppk.gov.my



DICETAK OLEH
PERCETAKAN NASIONAL MALAYSIA BERHAD
KUALA LUMPUR, 2012
www.printnasional.com.my
email: cservice@printnasional.com.my
Tel.: 03-92366895 Faks: 03-92224773



PERDANA MENTERI MALAYSIA



Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan Salam 1Malaysia,

Saya mengucapkan tahniah kepada Kementerian Perusahaan Perladangan dan Komoditi di atas inisiatif penyediaan Dasar Komoditi Negara sebagai hala tuju pembangunan industri komoditi bagi tempoh 2011-2020.

Industri komoditi merupakan tunjang ekonomi negara sejak sekian lama. Kini, industri komoditi terutamanya sawit dan getah, menyumbang kepada pendapatan hasil eksport, peluang pekerjaan dan peningkatan pendapatan serta taraf hidup penduduk luar bandar.

Menyedari kepentingan sumbangan industri komoditi, industri sawit dan getah telah dikenal pasti di antara Bidang Ekonomi Utama Nasional di bawah pelaksanaan Program Transformasi Ekonomi. Di samping itu, pembangunan sektor komoditi lain yang berpotensi seperti kayu kayan, koko, lada dan kenaf, akan terus dipertingkatkan.

Penggubalan Dasar Komoditi Negara merupakan iltizam Kerajaan untuk memajukan industri komoditi ke tahap yang lebih berdaya saing, mampan dan seimbang. Peningkatan daya saing industri komoditi khususnya di peringkat hiliran akan memastikan produk berasaskan komoditi keluaran negara akan menjadi tanda aras di pasaran global. Bagi mencapai hasrat

tersebut penggiat industri, termasuk para penyelidik dan usahawan, hendaklah lebih kreatif, inovatif dan produktif khususnya dalam menghasilkan dan memasarkan produk-produk bernilai tambah tinggi.

Saya percaya pelaksanaan dasar ini akan membantu Malaysia mencapai tahap negara maju dan berpendapatan tinggi menjelang tahun 2020.

1Malaysia "Rakyat Didahulukan, Pencapaian Diutamakan"



DATO' SRI MOHD. NAJIB BIN TUN ABDUL RAZAK



**MENTERI
PERUSAHAAN PERLADANGAN DAN KOMODITI**



Salam Sejahtera dan Salam 1Malaysia,

Industri perladangan dan komoditi negara adalah termasuk sawit, getah, kayu kayan, koko, lada dan kenaf. Selama ini, dasar pembangunan industri perladangan terkandung di dalam Dasar Pertanian Negara di peringkat hulu dan Pelan Induk Perindustrian di peringkat hiliran. Selaras dengan perkembangan dan kemajuan industri komoditi yang semakin dinamik, Kerajaan telah menyediakan Dasar Komoditi Negara khusus bagi menetapkan hala tuju untuk memperkukuhkan lagi peranan dan sumbangan industri berkenaan kepada pertumbuhan ekonomi negara.

Bagi memastikan industri komoditi negara terus berdaya saing dan berorientasikan pasaran, Dasar Komoditi Negara digubal dengan matlamat mentransformasikan negara sebagai hub komoditi dunia melalui pendekatan tujuh teras strategik merangkumi:

- Pemerkasaan Industri;
- Pemodenan Aktiviti Pengeluaran;
- Penghasilan Pelbagai Produk Bernilai Tambah Tinggi Melalui Penyelidikan, Pembangunan dan Pengkomersilan;
- Penjanaaan Sumber Pendapatan Baharu;
- Pengukuhan Pasaran Sedia Ada dan Peluasan Pasaran Baharu;
- Pengukuhan Keupayaan Pekebun Kecil dan Usahawan; dan
- Pembangunan Modal Insan.

Pelaksanaan Dasar Komoditi Negara secara terangkum dan berimbang dengan komitmen semua penggiat industri akan menjamin industri komoditi negara terus kukuh dan berdaya saing. Selanjutnya, ia akan menyumbang kepada pencapaian hasrat menjadikan Malaysia negara berpendapatan tinggi menjelang tahun 2020. Akhir kata, saya mengucapkan penghargaan kepada semua pihak yang terlibat menjayakan penggubalan Dasar Komoditi Negara ini.



TAN SRI BERNARD GILUK DOMPOK

Menteri Perusahaan Perladangan dan Komoditi
Malaysia

PENGENALAN

- Industri perladangan dan komoditi akan meneruskan peranannya sebagai salah satu tonggak ekonomi dengan meningkatkan sumbangannya kepada pembangunan negara. Pertumbuhan sektor ini akan menyumbang kepada pertumbuhan:
 - ❑ Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK).
 - ❑ Pendapatan hasil eksport.
 - ❑ Pewujudan peluang-peluang pekerjaan.
 - ❑ Peningkatan taraf hidup rakyat, terutamanya di luar bandar.
- Dasar Komoditi Negara dirangka bagi memacu pertumbuhan industri komoditi untuk tempoh 2011-2020 dengan memberi tumpuan kepada pertumbuhan yang mampan, seimbang dan mesra alam. Ia akan menyumbang kepada transformasi sektor ini agar lebih berorientasikan pasaran dan menjadikan Malaysia sebagai hub komoditi dunia menjelang tahun 2020.
- Dasar ini juga mengambil kira cabaran liberalisasi perdagangan antarabangsa, gerakan hijau, saingan guna tanah pertanian dan tenaga buruh yang terhad. Bagi menangani isu-isu tersebut, langkah-langkah strategik digubal bagi meneruskan usaha-usaha memantapkan industri ini menjelang 2020.

MATLAMAT DASAR KOMODITI NEGARA

- Dasar Komoditi Negara bertujuan untuk:
 - ❑ Melonjakkan sumbangan industri komoditi kepada pertumbuhan ekonomi negara.
 - ❑ Mentransformasi industri komoditi yang berorientasikan pasaran, dinamik, berdaya saing dan menjana sumber kekayaan baharu.

OBJEKTIF DASAR KOMODITI NEGARA

1

Meningkatkan sumbangan industri komoditi kepada pembangunan negara.

2

Memoden dan mentransformasi industri komoditi agar berdaya saing dan mampan.

3

Menggalakkan pertumbuhan di sepanjang rantai nilai industri komoditi.

4

Meningkatkan pendapatan pengusaha industri komoditi termasuk pekebun kecil.

5

Menjadikan Malaysia sebagai pusat kecemerlangan dalam bidang R&D, teknologi perladangan dan industri berasaskan komoditi.

TERAS-TERAS DASAR KOMODITI NEGARA

TERAS 1

Memperkasa Industri Komoditi Dalam Pembangunan Ekonomi Negara

- Pemerkasaan industri komoditi negara meliputi tumpuan bagi:
 - ❑ Membangunkan produk-produk baharu bernilai ditambah tinggi dan memenuhi kehendak pasaran oleh institusi R&D tempatan.
 - ❑ Menjalinkan kerjasama strategik di antara institusi R&D tempatan dan luar negara.
 - ❑ Meningkatkan kecekapan pengeluaran di sepanjang rantai nilai industri komoditi.
 - ❑ Mengoptimumkan penggunaan sumber.

TERAS 2

Memacu Pemodenan Industri Komoditi

- Pemodenan industri komoditi akan dipergiat dengan penekanan kepada penggunaan atau amalan sistem dan prosedur pertanian yang baik dan terkini.
- Pembangunan industri komoditi yang mampan akan mengimbangi kepentingan manusia, bumi dan keuntungan (*people, planet and profit*).
- Usaha akan dipergiat untuk meningkat dan meluaskan penggunaan teknologi moden, mekanisasi dan automasi bagi:
 - ❑ Menjimatkan kos.
 - ❑ Mengurangkan pergantungan terhadap tenaga buruh.
 - ❑ Meningkatkan kualiti di sepanjang rantai nilai industri komoditi.

TERAS 3

Mempelbagai Penghasilan Produk Bernilai Tambah Tinggi

- Tumpuan adalah bagi:
 - ☐ Mewujudkan jaringan kolaborasi R&D tempatan dan antarabangsa.
 - ☐ Merintis lebih banyak peluang pasaran.

TERAS 4

Memjana Sumber Pendapatan Baharu

- Terdapat dua pendekatan iaitu:
 - ☐ Memajukan tanaman komoditi baharu.
 - ☐ Membangunkan produk baharu dari bahan buangan komoditi.
- Aktiviti R&D akan dipergiat bagi menghasilkan produk-produk baharu berimej hijau dan mampan untuk mengurangkan pembaziran dan membantu memulihara alam sekitar.

TERAS 5

Meningkatkan Daya Saing dan Memperluas Pasaran

- Meningkatkan daya saing industri komoditi melalui penjenamaan produk berasaskan komoditi yang berkualiti, mampan dan mesra alam.
- Mempertingkat kerjasama serantau dan antarabangsa.
- Mempergiat penggunaan teknologi maklumat dan komunikasi terkini dalam aktiviti pasaran.

TERAS 6

Memajukan Pekebun Kecil dan Usahawan

- Para pekebun kecil komoditi akan terus dimajukan melalui:
 - ☐ Pembangunan bersepadu.
 - ☐ Pengurusan secara berkelompok.

- Bina upaya usahawan berasaskan industri komoditi akan terus dipergiat melalui:
 - ❑ Latihan
 - ❑ Kemahiran
 - ❑ Pemindahan teknologi
 - ❑ Peningkatan akses pasaran.

TERAS 7

Membangun dan Memperkasa Modal Insan


- Meningkatkan bilangan tenaga mahir dan separa mahir.
- Memperkukuh peranan Institut Perladangan dan Komoditi Malaysia (IMPAC).
- Mewujudkan kolaborasi dengan institusi pengajian tinggi tempatan dan luar negara dalam bidang yang diperlukan oleh industri.

PENCAPAIAN DAN SASARAN

Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK)

- Bagi tempoh 2000-2010, KDNK komoditi telah mencatat purata pertumbuhan tahunan sebanyak 2.1% di mana pada tahun 2010, sumbangan sektor komoditi kepada KDNK adalah sebanyak RM37.9 bilion. Dalam tempoh yang sama, sektor hulu telah mencatatkan kadar pertumbuhan sebanyak 1.6% dan sektor hiliran sebanyak 2.8%.
- Bagi tempoh 2011-2020, KDNK komoditi sektor hulu dijangka tumbuh pada kadar 2.7% setahun dari RM21.9 bilion kepada RM28.5 bilion pada tahun 2020.


Unjuran Sektor Hulu Industri Komoditi, 2000-2020



Pendapatan Eksport

- Pendapatan eksport komoditi meningkat daripada RM42.7 bilion pada tahun 2000 kepada RM113.3 bilion pada tahun 2010.
- Menjelang 2020, pendapatan eksport disasar mencapai RM242.6 bilion dengan kadar pertumbuhan 7.9% setahun.


Unjuran Pendapatan Eksport, 2000-2020



HALA TUJU PEMBANGUNAN INDUSTRI KOMODITI


Meneraju Kemajuan Industri Sawit

- Industri sawit akan meneruskan peranannya sebagai peneraju sektor komoditi melalui sumbangan ketara kepada ekonomi negara. Bagi memperkukuh pembangunan industri ini, tumpuan akan diberikan kepada peningkatan pembangunan di keseluruhan rantai nilai, termasuk produk makanan dan bukan makanan daripada sawit.
- Strategi kemajuan industri sawit adalah seperti berikut:
 - ❑ Meningkatkan produktiviti aktiviti hulu.
 - ❑ Meningkatkan aktiviti hiliran dan pengeluaran produk bernilai tambah tinggi.
 - ❑ Menjana pendapatan dari sumber baharu.
 - ❑ Memperkukuh pasaran sedia ada dan meneroka pasaran baharu.
 - ❑ Mempergiat aktiviti R&D&C
 - ❑ Membangunkan industri sawit yang mampan dan mesra alam.
 - ❑ Memperkukuh pembangunan modal insan.
- Pada tahun 2020, sasaran hasil eksport produk berasaskan sawit adalah sebanyak RM103.0 bilion dengan kadar pertumbuhan tahunan sebanyak 5.1%.




Memperkasa Industri Getah

- Pembangunan industri getah akan terus dimantapkan, terutamanya di sektor hulu bagi menyokong keperluan bahan mentah sektor hiliran untuk penghasilan produk-produk berasaskan getah. Selain itu, usaha-usaha R&D akan diperkasa di keseluruhan rantai nilai, di samping mengukuhkan harga getah bagi memberi manfaat kepada pengusaha tanaman getah, khususnya pekebun kecil.
- Strategi pemerikasaan industri getah adalah seperti berikut:
 - ❑ Meningkatkan produktiviti dan kemampuan pengeluaran getah.
 - ❑ Memperkukuh R&D&C untuk meningkatkan daya saing industri getah.
 - ❑ Memantapkan aktiviti pemprosesan getah dan pengeluaran produk berasaskan getah.
 - ❑ Meningkatkan syer produk berasaskan getah Malaysia di pasaran dunia.
 - ❑ Memperkukuh pembangunan modal insan.
- Pada tahun 2020, sasaran hasil eksport produk berasaskan getah adalah sebanyak RM78.0 bilion dengan kadar pertumbuhan tahunan sebanyak 12.2%.



Mempergiat Pembangunan Industri Kayu-Kayan


- Selaras dengan Dasar Perindustrian Kayu Negara (National Timber Industry Policy – NATIP), 2009-2020, tumpuan pembangunan industri kayu-kayan negara adalah bagi meningkatkan sumbangan eksport produk kayu-kayan kepada RM53.2 bilion menjelang tahun 2020. Di samping itu, nisbah eksport produk-produk hiliran bernilai tambah akan ditingkatkan ke paras 60% berbanding dengan kadar semasa 40%.
- Strategi pembangunan industri kayu-kayan adalah seperti berikut:
 - ❑ Meningkatkan dan mempelbagai sumber bekalan bahan mentah.
 - ❑ Memperkukuh inovasi dan teknologi melalui R&D&C.
 - ❑ Memperluas pasaran dan penjenamaan.
 - ❑ Memudah cara pembangunan PKS.
 - ❑ Menjana potensi sumber pertumbuhan baharu.
 - ❑ Meningkatkan penyertaan bumiputera.
 - ❑ Membangun dan memperkasa modal insan.
- Pada tahun 2020, sasaran hasil eksport produk berasaskan kayu-kayan adalah sebanyak RM53.2 bilion dengan kadar pertumbuhan tahunan sebanyak 10.1%.



Memperkukuh dan Mengembangkan Industri Koko


- Strategi pengukuhan dan pengembangan industri ini akan dipergiat melalui usaha-usaha perluasan penanaman di kawasan baharu dan pemulihan tanah-tanah terbiar. Selain itu, usaha memperbanyak pengeluaran produk-produk makanan berasaskan koko akan turut dipertingkat.
- Strategi pengukuhan dan pengembangan industri koko adalah seperti berikut:
 - ❑ Meningkatkan produktiviti dan daya saing pengeluaran biji koko dan produk-produk berasaskan koko.
 - ❑ Meningkatkan kesedaran awam mengenai penanaman koko.
 - ❑ Memperkukuh program R&D&C.
 - ❑ Memperkukuh rangkaian industri hiliran dan industri sokongan.
 - ❑ Menggalakkan penglibatan usahawan PKS dalam pemprosesan dan pengeluaran produk berasaskan koko.
 - ❑ Meningkatkan daya saing dan syer pasaran produk berasaskan koko.
 - ❑ Mengukuhkan kerangka institusi sokongan dan perkhidmatan pengembangan.
 - ❑ Memperkasa modal insan.
- Pada tahun 2020, sasaran hasil eksport produk berasaskan koko adalah sebanyak RM6.0 bilion dengan kadar pertumbuhan tahunan sebanyak 3.6%.

Hasil Eksport




Memperkukuh dan Mengembangkan Industri Lada

- Industri lada akan diperkukuh dengan perluasan kawasan tanaman dan peningkatan produktiviti. Ladang peneraju akan diwujudkan untuk menjadi nukleus kepada kebun-kebun lada di sekitarnya bagi memudahkan aktiviti pemindahan teknologi, pengembangan dan peningkatan produktiviti. Program sokongan pasaran domestik akan turut dipergiat. Integrasi penanaman lada dengan tanaman lain yang sesuai juga akan digalakkan bagi mempelbagaikan aktiviti ekonomi penanam lada.
- Strategi pengukuhan dan pengembangan industri lada adalah seperti berikut:
 - ❑ Meningkatkan pengeluaran dan daya saing industri lada.
 - ❑ Memperkukuh aktiviti R&D.
 - ❑ Mengukuhkan pendapatan pekebun kecil.
 - ❑ Memperluas pasaran.
 - ❑ Memperkasa modal insan.
- Pada tahun 2020, sasaran hasil eksport produk berasaskan lada adalah sebanyak RM650 juta dengan kadar pertumbuhan tahunan sebanyak 13.3%.




Merasionalisasi Industri Tembakau

- Tumpuan akan terus diberi untuk memperkukuh daya saing para pengusaha melalui peningkatan produktiviti dan pengurangan kos pengeluaran tembakau. Di samping itu, Kerajaan akan meneruskan usaha-usaha peralihan penanam tembakau yang kurang berdaya saing kepada aktiviti ekonomi alternatif.
- Strategi industri tembakau adalah seperti berikut:
 - ❑ Meningkatkan daya saing pengeluaran tembakau.
 - ❑ Memantapkan usaha penguatkuasaan kawalan terhadap perdagangan tembakau dan produk tembakau.
 - ❑ Mempelbagai kegunaan tembakau melalui aktiviti R&D.
 - ❑ Menggalakkan pengusaha tembakau yang kurang berdaya saing beralih kepada aktiviti ekonomi lain.
- Pada tahun 2020, sasaran pengeluaran tembakau adalah sebanyak 1.7 juta tan dengan kadar pertumbuhan tahunan sebanyak 5.4%.



Memacu Pertumbuhan Industri Kenaf

- Kenaf merupakan tanaman baru yang mempunyai potensi untuk dibangunkan. Usaha-usaha pembangunan yang komprehensif akan diambil bagi memperkenalkan tanaman kenaf di kalangan masyarakat luar bandar. Selain itu, aktiviti R&D akan dipergiat bagi meningkatkan produktiviti di samping menggalakkan penggunaan kenaf dalam penghasilan produk-produk baharu.
- Strategi pembangunan industri kenaf adalah seperti berikut:
 - ❑ Meningkatkan produktiviti dan pengeluaran kenaf.
 - ❑ Mempergiat R&D&C.
 - ❑ Menggalakkan pengeluaran kenaf secara komersil.
 - ❑ Meningkatkan pembangunan industri hiliran.
 - ❑ Mempromosi penggunaan kenaf dan produk kenaf.
 - ❑ Membangunkan modal insan.
- Pada tahun 2020, sasaran pengeluaran batang kering kenaf adalah sebanyak 150 ribu tan dengan kadar pertumbuhan tahunan sebanyak 50.8%.



Mengeksploitasi Potensi Sagu

- Pembangunan industri sagu sebagai sumber pertumbuhan baharu yang berdaya saing akan diberi tumpuan. Ini merangkumi penyediaan kemudahan infrastruktur dan khidmat pengembangan, aktiviti R&D di peringkat hulu dan hiliran serta memperluas pasaran produk bernilai tinggi berasaskan sagu. Sagu berpotensi untuk dimajukan bukan sahaja untuk produk-produk makanan bahkan juga untuk produk-produk bukan makanan.
- Strategi pembangunan industri sagu adalah seperti berikut:
 - ❑ Menyediakan kemudahan infrastruktur dan khidmat pengembangan.
 - ❑ Meningkatkan aktiviti pengeluaran sagu secara komersil.
 - ❑ Memperkukuh R&D bagi meningkatkan produktiviti dan membangunkan produk berasaskan sagu.
 - ❑ Mengembangkan aktiviti pemprosesan produk berasaskan sagu di peringkat hiliran.
 - ❑ Memperkukuh pasaran produk bernilai tinggi.
 - ❑ Membangunkan dan memperkasa modal insan.
- Pada tahun 2020, sasaran pengeluaran sagu adalah sebanyak 2.4 juta tan berbanding 190,000 tan pada tahun 2010.

